


Jilid I
Bil. 44



Hari Selasa
8hb Januari, 1980

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4301]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Ubat (Iklan dan Penjualan) (Pindaan) [Ruangan 4332]

Rang Undang-undang Jualan Makanan dan Dadah (Pindaan) [Ruangan 4343]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S.O.K. UBAlDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Tcknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J., J.P. (Johor).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P., (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).

- Yang Berhormat DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAACUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO SULAIMAN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).

Yang Berhormat DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).

- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., SB. ST. J., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 8hb Januari, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

OPERASI ISI PENUH

1. Datuk Haji Ahmad bin Arshad (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) setakat manakah tindakan telah diambil oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Kementerian-kementerian mengenai jawatan-jawatan di bawah Operasi Isi Penuh;
- (b) jumlah yang sebenar jawatan-jawatan kosong yang akan dipenuhi; dan
- (c) jumlah implikasi kewangan.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, jawapan bagi:

- (a) Pada masa ini urusan Operasi Isi Penuh sedang dilancarkan, iaitu sebanyak 22,449 calon telah ditawarkan jawatan-jawatan kosong di dalam Perkhidmatan Kerajaan Persekutuan semenjak bulan Mei, 1979. Tawaran-tawaran tersebut adalah daripada Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Awam Pelajaran, Polis, serta termasuk tawaran-tawaran yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Jabatan-jabatan bagi jawatan-jawatan yang diiklankan di dalam urusan Operasi Isi Penuh, serta jawatan-jawatan Kumpulan Perusahaan dan Buruh Kasar yang ditawarkan oleh Jabatan-jabatan sendiri.

(b) mengenai soalan kedua, di awal Operasi Isi Penuh dijalankan kekosongan ialah kira-kira 40,000 jawatan yang perlu diisikan. Kira-kira 10,000 dari kekosongan tersebut adalah jawatan-jawatan Polis serta jawatan-jawatan professional seperti Doktor yang tidak dapat diisikan sepenuhnya dalam tahun 1979 kerana masalah kekurangan tempat latihan polis dan juga masalah kekurangan calon-calon yang bersesuaian bagi mengisi jawatan-jawatan professional dan teknikal. Ini bermakna hanya kira-kira 30,000 jawatan kosong sahaja yang mungkin dapat diisi dalam Operasi Isi Penuh yang sedang dijalankan.

(c) jumlah implikasi kewangan adalah dianggarkan lebih kurang sebanyak \$1,116,000 iaitu termasuk perbelanjaan untuk mencetak borang-borang SPA. 1; pembayaran untuk dua peringkat iklan di dalam suratkhbar-suratkhbar tempatan; dan juga sebagai pembayaran gaji dan elaun kakitangan-kakitangan Kerajaan di Unit Operasi Isi Penuh, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, 45,000 kerja kosong di Jabatan-jabatan Kerajaan beberapa tahun telah tidak diisikan, datang pula satu rancangan Operasi Isi Penuh. Rakyat ingin tahu, dengan jawatan-jawatan yang tidak diisi itu, apakah kesan yang telah dibawa kepada segala jabatan-jabatan berkenaan yang kekurangan kakitangan dan juga bolehkah Yang Berhormat Menteri berjanji pada masa akan datang apabila sesuatu jawatan kosong, jawatan itu akan diisikan dengan serta-merta, tidak payah tunggu hingga angka itu sampai 50,000 atau 60,000 datang pula satu rancangan Operasi Isi Penuh.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang

kita semua maklum Operasi Isi Penuh dijalankan adalah untuk cuba menyelesaikan masalah iaitu 40,000 kekosongan yang telah berlaku selama ini yang mana tidak disengajakan iaitu atas sebab-sebab tertentu seperti kekurangan tempat latihan dan lain-lain lagi.

Kesan kerana jawatan ini telah tidak diisi mungkin begitu lama tidaklah begitu banyak kerana 40,000 hanya merupakan 9% sahaja daripada jawatan dalam Kerajaan pada keseluruhannya. Dan walaupun kita selama ini telah ada mempunyai 40,000 kekosongan tetapi tidaklah bermakna bahawa jentera Kerajaan telah tidak dapat berjalan dengan licin. Berbagai-bagai tindakan Kerajaan telah ambil dan sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa tidak ada kesan-kesan buruk yang telah menimpa perjalanan jentera Kerajaan dengan kekosongan yang tersebut.

Mengenai dengan mengisikan sesuatu jawatan apabila ianya kosong, ini memang menjadi hasrat Kerajaan untuk mengisikan jawatan itu sebaik sahaja ianya ada kekosongan tetapi inipun mengambil masa kerana kita akan iklankan dia dan kita akan mengambil calon-calon dan mungkin ini juga terpaksa mengambil masa berbulan-bulan. Jadi, saya inginlah, sebagaimana yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu, memberi jaminan bahawa Kerajaan akan cuba sedaya-upaya untuk mengisi jawatan kosong itu seberapa cepat yang boleh.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, dalam usaha Kerajaan hendak mengisikan kekosongan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, saya ingin tahu adakah Kerajaan dapat menimbang atau melayan sungutan-sungutan yang dibuat oleh segelintir kaum dalam negeri ini bahawa pengambilan jawatan yang kosong itu hendaklah diberikan kuota mengikut kaum.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat perkara ini banyak kali sudah saya beri jawapan iaitu pengambilan kakitangan terpaksa bergantung kepada pertama iaitu kelulusan dan juga pengalaman dan kesesuaian. Kita tidak boleh bergantung semata-mata kepada percentage komposisi kaum kerana ini melibatkan pegawai itu mesti tahu menjalankan tugasnya, kalau kita ambil sahaja

mengikut percentagenya kalau dia tidak boleh menjalankan tugasnya itu sangat susah juga. Jadi, saya ingin sekali lagi menegaskan bahawa pengambilan kakitangan Kerajaan itu berdasarkan kepada beberapa faktor seperti yang saya sebutkan tadi.

LEMBAGA PERPADUAN NEGARA

2. Dr Choo Kooi Fook minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menimbang untuk menaikkan taraf Lembaga Perpaduan itu ke taraf Kementerian oleh sebab memandangkan peranannya yang mustahak iaitu perpaduan nasional adalah asas kukuh di mana semua bidang perkembangan dan kemajuan bergantung.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi jawapan kepada pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan sedang meneliti kerja-kerja yang dijalankan oleh Lembaga Perpaduan Negara dan susunan jentera pentadbirannya. Satu kajian mendalam berkenaan dengan perkara ini telahpun siap dan Kerajaan sedang menilai perakuan-perakuan mengenai hal ini.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya begini, Pengerusi Majlis Perpaduan ini telah meninggal dunia beberapa bulan dahulu, adakah jawatan Pengerusi itu dipenuhi sekarang?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kajian secara menyeluruh sedang dijalankan maka jawatan Pengerusi Lembaga ini belum dapat dipenuhi.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Perpaduan Negara di situlah bergantungnya nyawa dan jiwa negara kita pada masa hadapan. Rakyat kita ingin tahu dengan segala hormatnya, adakah Kementerian di Jabatan Perdana Menteri yang berkenaan ingin mengadakan satu kajian yang mendalam dalamnya dari segi manakah perpaduan antara kaum ini kurang, dari segi manakah tidak puas hati atau dari segi mana perhubungan antara kaum dengan kaum itu kurang pada masa sekarang, jadi kita dapat peluang untuk merapatkan negara kita lebih kokoh.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, kajian secara menyeluruh dan mendalam dan segala aspek-aspek telah dibincangkan, kenyataan itu akan dilaporkan kepada Kerajaan secepat mungkin.

SOALAN NO. 3 DITARIK BALIK

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Nombor 3 sudah ditarik balik.

ANGKATAN BERSENJATA DAN SENJATA NUKLEAR

4. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) sama ada kelengkapan dan senjata api Angkatan Bersenjata kita cukup kuat dan mantap untuk menghadapi sebarang musuh negara; dan
- (b) bila masanya Malaysia akan mempunyai senjata nuklear.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan (a) saya telahpun menjawab soalan yang sama bentuknya yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr Wee Khoo Hock pada 13hb Disember, 1979 yang lalu. Kementerian saya juga telah menerangkan hal ini dengan panjang lebar di Dewan Rakyat pada 23hb November 1979 di dalam ucapan belanjawan dan juga di Dewan ini pada 19hb Disember, 1979. Saya rasa penerangan-penerangan ini adalah memadai pada setakat ini.

Mengenai soalan (b) pula, Malaysia tidak akan bercadang untuk memilik senjata nuklear. Kita telahpun menandatangani Non-proliferation Treaty dalam tahun 1968 (yang kemudian telah disahkan pada 5hb Mac, 1970). Treaty ini melarang penyebaran senjata-senjata nuklear di kalangan antarabangsa.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab selepas 13hb Disember, 1979 keadaan dunia sudah berubah, pergolakan dunia juga sudah berubah dan kecemasan tiap-tiap negara telah timbul, bolehkah Yang Berhormat Menteri menimbang dan memberi pengakuan kepada Majlis ini bahawa kelengkapan yang ada sekarang ini mantap dan boleh menjaga negara kita.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir cukup, dan jawapan itu boleh kita pegang pada hari ini.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Yang Berhormat Menteri telah menjawab beberapa kali, saya ingin tahu dengan segala hormatnya apa sebab angkatan bersenjata Malaysia ini tidak menggunakan kereta-kereta kebal oleh sebab kereta kebal ini menjadi decisive factor dalam peperangan moden.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini corak peperangan kita hanyalah bercorak gerila dan kita belum ada menempuh satu corak peperangan conventional. Dalam peperangan gerila dalam hutan tebal kereta kebal tidak ada guna sama sekali.

SIMPANAN EMAS NEGARA

5. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah nilai simpanan emas negara kita di luar negeri, khasnya di London.

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukalah saya menyatakan bahawa dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak pasti sekarang ini, adalah tidak wajar dari segi kepentingan negara bagi kita mengemukakan nilai simpanan emas negara dan juga di negara mana emas ini disimpan.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi maklumat ini secara persendirian khasnya kepada Ahli Yang Berhormat yang bertanya tadi dan yang kedua kepada saya sendiri (*Ketawa*).

Datin Paduka Rafidah Aziz: Boleh.

MEMBASMI KEMISKINAN DI BANDAR

6. Tuan K. Kumaran (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada perhatian

lebih dapat diberi untuk membuka lebih kawasan-kawasan perniagaan bagi membantu peniaga-peniaga kecil di bandar dengan mendirikan gerai-gerai dan tempat-tempat perniagaan baru untuk membasmi kemiskinan di bandar.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang memberi perhatian yang lebih untuk membuka kawasan-kawasan perniagaan bagi membantu peniaga-peniaga kecil di bandar dengan mendirikan gerai-gerai untuk membasmi kemiskinan di bandar. Setakat ini peruntukan kewangan telah diberi untuk melancarkan sejumlah 73 projek untuk membina gerai-gerai di kawasan-kawasan bandar. Peruntukan ini telahpun diberi oleh Kerajaan Persekutuan seperti bantuan kewangan secara langsung kepada Penguasa-penguasa Tempatan di Semenanjung Malaysia.

SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPUNG KONGGO/CHERAS BARU

7. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau ada rancangan untuk mendirikan sebuah sekolah rendah kebangsaan Cheras memandangkan kesukaran penduduk-penduduk Kampung Konggo, Sungai Midah Cheras Batu 3½ untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Ketiga terdapat dua buah Sekolah Rendah Kebangsaan yang telah diluluskan bagi kawasan Cheras iaitu Sekolah Kebangsaan Kampung Konggo dan Sekolah Kebangsaan Cheras Baru bagi menampung keperluan tempat belajar kanak-kanak di kawasan ini.

Projek Sekolah Rendah Kebangsaan Kampung Konggo mengandungi 12 bilik darjah, perpustakaan, pejabat, bilik guru dan lain-lain. Projek ini sedang dalam peringkat pembinaan.

Projek Sekolah Rendah Kebangsaan Kampung Cheras Baru mengandungi 12 bilik darjah, pejabat, bilik guru, bilik TV dan

lain-lain. Peringkat pelaksanaannya ialah bahawa pelan tapak telah siap dan ujian tanah akan dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya.

PERKHIDMATAN KERETAPI DI PANTAI TIMUR

8. Dato' Dr Wee Khoo Hock minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kekurangan enjin keretapi telah mengakibatkan kelambatan perkhidmatan keretapi di Pantai Timur dan kekurangan alat-alat ganti telah memburukkan keadaan itu; jika ya, nyatakan sama ada beliau dapat mengambil tindakan segera untuk mengatasi keadaan ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa kelambatan Perkhidmatan Keretapi di Pantai Timur adalah juga disebabkan oleh kekurangan enjin keretapi. Pada masa ini Keretapi Tanah Melayu mempunyai 90 buah locomotive ibujalan yang digunakan bagi perkhidmatan keretapi. Di dalam keadaan biasa 20% dari bilangan ini memerlukan rawatan mengikut jadual penyelenggaraan di depo-depo dan di bengkel pada setiap masa. Ini bermakna hanya 72 buah locomotive yang digunakan untuk membawa train di seluruh rangkaian Keretapi Tanah Melayu.

Saya juga sedar kekurangan alat-alat ganti telah juga memburukkan keadaan oleh kerana alat-alat ganti ini diperolehi dari luar negeri dan mengambil masa yang panjang untuk memperolehinya.

Untuk mengatasi kekurangan lokomotif ini Keretapi Tanah Melayu sedang berusaha dengan segera untuk mengatasi masalah-masalah kerosakan yang sedang berlaku. Keretapi Tanah Melayu juga telah memanggil tender untuk membeli 15 buah lokomotif lagi. Langkah-langkah juga sedang diambil untuk membeli dan menyimpan alat-alat ganti yang diperlukan bagi bahagian loko yang mungkin rosak lebih awal dan menambahkan bilangan stok bagi alat-alat ganti yang sedang didapati selalu rosak.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa perkhidmatan

keretapi di Pantai Timur dengan Pantai Barat ini berbeza. Keretapi Pantai Barat lebih cantik, lebih baru, lebih kuat tetapi keretapi Pantai Timur lambat, rosak, begitu-begini. Ini sudah berjalan bukan setahun, berpuluh-puluh tahun. Adakah Kerajaan bercadang menyamakan perkhidmatan di antara Pantai Timur dengan Pantai Barat?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang adanya perbezaan yang tersebut. Ini ialah disebabkan oleh keadaan keperluan yang dikehendaki dan asas-asas perkhidmatan yang diperlukan. Walau bagaimanapun, pihak Keretapi Tanah Melayu sedang berusaha untuk mengadakan koc yang selaras dengan apa yang dapat diberikan kepada perkhidmatan di Pantai Barat kepada Pantai Timur juga.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, sama ada Kementerian bercadang akan memodenkan perkhidmatan keretapi di Pantai Timur seperti yang dilaksanakan di Pantai Barat dalam Rancangan Malaysia Keempat?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat maklum dalam peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan tahun 1980 pihak Keretapi Tanah Melayu telahpun memohon peruntukan-peruntukan, sebahagiannya ialah untuk membeli koc-koc keretapi dan diharapkan apabila koc-koc ini telah dapat dibeli maka perkhidmatan di Pantai Timur juga akan disamakan dengan perkhidmatan di Pantai Barat.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah mengatakan sedar soal di Pantai Timur, saya ucapkan terima kasih. Soalan tambahan ini apakah tindakan sekarang, Yang Berhormat beri soal kelambatan keretapi yang membawa penumpang-penumpang selalu benar lewat sampai. Jadi apakah tindakan ini?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, mengikut perangkaan hanya sekadar 15% sahaja kejadian kelambatan keretapi yang berlaku di tanahair kita ini. Jadi difikirkan kelambatan itu pada hitung panjangnya tidaklah begitu buruk.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payahlah, banyak lagi soalan.

JAWATAN KERAJAAN— PENGAMBILAN

9. Tuan Oh Siew Aun (di bawah S.O. 23 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan dasar Kerajaan dalam mengambil pegawai-pegawai dalam semua kategori perkhidmatan Kerajaan dan sama ada ia akan mencerminkan komposisi kaum di negara kita.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memanglah memberi perhatian yang berat ke atas keperluan untuk mengambil kakitangan Kerajaan yang berbilang kaum serta juga memberi peluang yang sama kepada semua calon-calon yang memohon jawatan-jawatan Kerajaan. Walau bagaimanapun, soal menentukan supaya pengambilan kakitangan Kerajaan itu mencerminkan komposisi berbilang kaum adalah bergantung khususnya kepada beberapa faktor; pertama, kelulusan, kelayakan dan kesesuaian ataupun prestasi calon-calon yang ditemuduga; kedua, komposisi kaum di kalangan pemohon-pemohon itu sendiri. Umpamanya, jikalau jumlah pemohon-pemohon untuk sesuatu jawatan itu kebanyakannya adalah terdiri dari satu kaum maka tidaklah logik atau munasabah memilih pula calon-calon mengikut komposisi kaum kerana ada kemungkinan besar bahawa mereka yang sesuai akan ditolak dan yang tidak sesuai akan diambil.

PEGAWAI BUMIPUTRA DI KILANG PENAPIS MINYAK

10. Tuan Haji Abdul Samad bin Said minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilangan Pegawai-pegawai Bumiputra di Kilang-kilang Penapis Minyak Shell dan Esso di Port Dickson.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, bilangan pegawai-pegawai di Kilang-kilang Penapis Minyak Shell dan

Esso di Port Dickson adalah seperti berikut dan angka ini diberi mengikut pecahan kaum.

Shell:

<i>Peringkat Pengurusan—5</i>				
Asing	2
Bumiputra	1
Cina	2
<i>Peringkat Eksekutif</i>				
Bumiputra	10 (34.5%)	
Cina	17 (58.6%)	
India	2 (6.9%)	

Esso:

<i>Peringkat Pengurusan—1</i>				
Asing	1
<i>Peringkat Eksekutif</i>				
Bumiputra	24 (34.3%)	
Cina	35 (50%)	
India	11 (15.7%)	

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan kita tidak kira kaum, tak ada quota kaum pun dalam satu-satu jawatan, juga di private sector. Saya hendak bertanya kita tidak payahlah memikirkan kaum lagi, siapa yang bijak, siapa yang pandai kita beri dia kerja. Kalau begitu, rancangan kita di dalam iktisad baru Kerajaan ini tidaklah ada sesuai. Adakah begitu dijalankan dalam Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat juga?

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal ialah mengenai pecahan kaum di Kilang-kilang Penapis Minyak Shell dan Esso di Port Dickson dan saya rasa soalan tambahan itu adalah terkeluar daripada soalan asas.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya berkenaan dengan Shell juga, ini bukan terkeluar daripada Shell, ini Shell juga. Adakah apabila kakitangan diambil di Shell ini iaitu mengikut siapa yang pandai, tidak kira bumiputra berapa, orang lain berapa, India berapa, tak kira begitu. Adakah dibuat begitu atau tidak?

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dasar yang dilaksanakan yang di bawah pengawasan Kementerian saya adalah untuk mencapai keseimbangan dalam bidang tenaga rakyat di sektor swasta. Apabila pengambilan kakitangan berlaku di sektor swasta, satu daripada faktornya adalah tujuan dan dasar kita untuk memandangkan keseimbangan di antara kaum dan mungkin dalam konteks itu pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan yang sesuai dan berkecukupan diambil. Jadi kedua-dua faktor itu tidaklah bertentangan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan ini daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Kementerian ini berpuas hati dengan pegawai-pegawai bumiputra yang ada pada kedua-dua syarikat ini yang mana saya tengok bahawa orang India sangat sedikit peratusnya. Adakah satu ketika akan dinasihatkan syarikat ini supaya merombak pegawai-pegawai itu seimbang sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu.

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya suka ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator itu yang telah mengambil perhatian tentang kedudukan pegawai-pegawai keturunan India juga dalam kilang ini. Jawapan kepada soalnya ialah memang Kerajaan belum berpuas hati mengenai kedudukan kaum bumiputra ataupun keturunan India khususnya di kilang Shell. Peratusnya yang telah diberikan tadi. Kita harus ingat bahawa dasar kita adalah satu dasar yang hendak dicapai dalam satu tempoh masa yang panjang dan kita berpuas hati bahawa tindakan ke arah pencapaian dasar itu di kilang-kilang seperti ini adalah menggalakkan.

PERKHIDMATAN PERUBATAN DI SABAH

11. Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan perkhidmatan perubatan di Sabah, sama ada di kawasan bandar atau terutama di luar-luar bandar, sangat tidak memuaskan, sama ada Kerajaan Persekutuan:

- (a) menambah bilangan doktor terutama sekali pakar-pakar perubatan (Specialist);

- (b) mempercepat pembinaan hospital-hospital dan klinik-klinik yang telah dirancang di seluruh Negeri;
- (c) melengkapkan hospital-hospital dengan alat-alat kemudahan yang kemas-kini;
- (d) menambah bilangan biasiswa kepada anak-anak Sabah untuk mengikut jurusan Perubatan di Fakulti-fakulti Perubatan di Universiti;
- (e) memperbaiki sekim perkhidmatan pegawai-pegawai perubatan;
- (f) memastikan bekalan ubat-ubatan yang cukup di setiap hospital dan dispensari di seluruh Negeri; dan
- (g) memperbaiki mutu perkhidmatan kaki-tangan perubatan terhadap orang awam.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini begitu banyak, ada 7 sek-syen maka jawapannya agak panjang juga.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka menyatakan bahawa saya tidak dapat bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa perkhidmatan perubatan di Sabah sama ada di kawasan bandar ataupun di luar-luar bandar sangat tidak memuaskan.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, keadaan perkhidmatan perubatan kesihatan di negara kita dan juga di negeri Sabah adalah bertambah baik dari tempoh dahulu.

- (a) Pada kebelakangan ini Kementerian Kesihatan telah melantik doktor-doktor dengan secara kontrek dari Burma dan Indonesia dan beberapa orang doktor tersebut termasuk jugalah pakar-pakar telah dihantar ke Negeri Sabah. Kementerian ini akan terus berusaha untuk mendapatkan lebih ramai doktor-doktor dan pakar untuk berkhidmat di seluruh Negara dan kita akan memberi perhatian yang sewajar terhadap keperluan Negeri Sabah.
- (b) Mengenai pembinaan hospital-hospital dan klinik-klinik yang telah dirancang di seluruh Negeri Sabah, adalah didapati bahawa projek-projek pembinaan tersebut sedang dijalankan mengikut jadual. Umpamanya, Hospital Daerah Tambunan dan juga

Hospital Daerah Beluran telah siap dibina dan sedang digunakan dan tiga buah hospital yang lain adalah dalam berbagai peringkat pembinaan. Berkenaan Pusat-pusat Kesihatan dan lain-lain kemudahan, didapati di antara 179 projek-projek yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, 103 telah siap dan lain-lain lagi adalah dalam peringkat pembinaan dan perancangan. Ini menunjukkan bahawa projek-projek tersebut adalah berkembang dengan baik.

- (c) Sukacita saya di sini menegaskan bahawa adalah menjadi hasrat Kementerian Kesihatan melengkapkan hospital-hospital dengan alat-alat yang sesuai dan moden untuk perkhidmatan rawatan pesakit di Sabah seperti juga di negeri-negeri lain dalam Malaysia. Walau bagaimanapun, ada lagi alat-alat perubatan yang lama yang masih ada di hospital-hospital dan ini adalah diganti dengan yang baru dan moden dari masa ke semasa.
- (d) Pemberian hadiah Biasiswa Persekutuan adalah diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Mengikut Jabatan tersebut semua calon-calon yang mempunyai kelayakan akademik seperti yang ditetapkan oleh Universiti-universiti akan berkelayakan untuk memohon Biasiswa Persekutuan, sebaik sahaja mereka diterima masuk oleh Universiti-universiti Tempatan bagi mengikut kursus perubatan. Setakat ini, kesemua penuntut di Fakulti Perubatan di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah memohon Biasiswa Persekutuan, telah pun dihadiahkan Biasiswa Persekutuan, tanpa mengira dari negeri mana mereka itu datang. Dengan yang demikian, masalah untuk menambahkan bilangan biasiswa bagi kursus ini adalah tidak timbul sama sekali, kerana setakat ini, permohonan untuk mendapatkan Biasiswa Persekutuan dari penuntut-penuntut Perubatan di kedua-dua universiti ini tidak pernah ditolak.
- (e) Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Sekim-sekim Perkhidmatan bagi semua jawatan termasuk jawatan pegawai perubatan telah diperbaiki dari segi gajinya tidak lama dahulu dalam satu kajian semula

yang dilakukan oleh sebuah Jawatan-kuasa Kabinet. Tambahan pula setahun "housemanship" ataupun latihan hospital yang dijalani oleh Doktor-doktor Siswazah telah diiktiraf oleh Kerajaan sebagai setahun perkhidmatan bagi tujuan perkiraan faedah-faedah pencen. Selain dari itu Kementerian Kesihatan telahpun membuat beberapa perakuan mengenai penyusunan semula jawatan-jawatan dalam Kementerian ini supaya memperbaiki lagi sekim perkhidmatan dan menambah peluang untuk naik pangkat bagi mereka yang berkelayakan. Laporan ini telah dikemukakan ke pihak yang berkenaan dan setakat ini adalah dalam pertimbangan.

- (f) Suka saya menegaskan di sini bahawa semua hospital dan klinik di Sabah dan juga di seluruh Negara, mempunyai ubat-ubatan yang mencukupi untuk menampung keperluan masing-masing. Jika berlaku kekurangan ubat-ubatan di satu-satu tempat itu, ianya adalah disebabkan oleh keadaan yang luar biasa dan masalah kekurangan ini adalah diatasi dengan menghantarkan bekalan ubat-ubatan dengan serta merta.
- (g) Bagi memastikan bahawa kakitangan-kakitangan perubatan dan kakitangan lain yang serupa dengannya mempunyai kemahiran, pengetahuan dan sikap yang perlu bagi membolehkan mereka menjalankan tugas-tugas dengan cekap dan berkesan. Kementerian Kesihatan akan terus memperbaiki taraf dan kesesuaian latihan dengan cara mengkaji semula rancangan-rancangan latihan yang dijalankan dari segi pembangunan kurikulum dan kaedah-kaedah pendidikan.

Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membuat satu soalan tambahan. Disebabkan masalah perhubungan di mana 80% daripada penduduk Sabah tinggal di luar bandar dan menjadi kesukaran kepada Kementerian Kesihatan untuk menghantar kakitangan ke tempat-tempat tersebut, pada masa ini hanya perkhidmatan doktor udara Yayasan Sabah yang memberi khidmat, itupun sekali sebulan dan juga mengikut keadaan cuaca. Sama ada Kerajaan Pusat atau Kementerian Kesihatan bercadang untuk memberi peruntukan khas

bagi menambah perkhidmatan doktor udara Yayasan Sabah yang selama ini tidak dapat menampung keperluan penduduk-penduduk ataupun pesakit-pesakit di luar bandar.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada Kerajaan Negeri Sabah telah mengemukakan cadangan seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu kepada Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak minta notis?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tidak, saya hendak menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh jawab.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tetapi sebenarnya di negeri Sarawak umpamanya, di negeri itu juga diadakan perkhidmatan doktor udara dan ini diselenggara dan dibiayai oleh Kerajaan Pusat tetapi di Sabah asalnya perkhidmatan itu telah dibiayai oleh Yayasan Sabah, saya yakin bahawa kalau perkara ini dikemukakan kepada pihak Kementerian Kesihatan ianya akan dipertimbangkan dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan V. V. Aboo.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 12.

POLIS DENGAN ALAT/ KENDERAAN MODEN

12. Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau ada rancangan untuk memperengkapkan anggota-anggota polis kita dengan alat-alat dan kenderaan yang moden supaya mereka dapat berkhidmat dengan lebih cekap.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada hemat Kerajaan, Pasukan Polis sudahpun dilengkapkan

dengan alat-alat dan kenderaan yang moden, sudah memadai. Sambil begitu kajian sentiasa dibuat dan sekiranya dikehendaki akan dipermodenkan lagi dari semasa ke semasa mengikut kehendak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Alexander Lee.

Tuan Haji Latip bin Haji Dris: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 13.

LAMPU ISYARAT KE LAPANGAN-TERBANG ANTARABANGSA SUBANG

13. Tuan Haji Latip bin Haji Dris (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada Kerajaan akan memasang lampu isyarat untuk jalan-pinggir dan Lebuhraya Persekutuan ke jalan menuju ke Lapanganterbang Antarabangsa Subang dan juga papan tanda yang mencukupi di jalan pinggir ini.

Timbalan Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Tuan Clarence E. Mansul): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak ada rancangan untuk memasang lampu isyarat untuk jalan pinggir dari Lebuhraya Persekutuan ke Lapanganterbang Antarabangsa Subang. Adalah difikirkan memadai dengan papan-papan tanda yang sudah didirikan di sepanjang jalan itu.

KEGELINCIRAN KERETAPI TANAH MELAYU

14. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Pengangkutan menyatakan sepanjang tahun 1979 berapakah banyak kerugian yang dialami oleh Keretapi Tanah Melayu akibat kegelinciran dan sebab-sebabnya kegelinciran itu berlaku.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kegelinciran sepanjang tahun 1979, Januari hingga November ialah 118 dan perbelanjaan yang dialami berjumlah \$568,298.94 iaitu belanja bagi membereskan dan membaiki semua alat-alat yang terlibat di dalam kegelinciran. Ini tidak termasuk kerugian yang ditanggung oleh

Keretapi Tanah Melayu akibat kehilangan hasil disebabkan gangguan kepada perkhidmatan train dan tidak termasuk harga harta-harta Keretapi Tanah Melayu yang termusnah. Kegelinciran ini adalah disebabkan oleh kerosakan landasan sebanyak 26, kerosakan gerabak-gerabak 32, muatan tidak seimbang atau berlebihan 9, kelalaian-ke-lalaian kakitangan 7, kelajuan lebih sedikit dari yang dihadkan 6, perbuatan jahat oleh orang-orang yang tidak dikenali 5, pelanggaran dengan binatang 2, lain-lain sebab 10, dan dalam penyiasatan 21.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyebutkan kerugian-kerugian yang dideritai oleh Keretapi Tanah Melayu. Saya bertanya satu soalan tambahan lagi iaitu pada ahun 1979, adakah Keretapi Tanah Melayu ini menanggung kerugian atau keuntungan di dalam puratanya?

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan lain, hendak minta notis.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Daripada keterangan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu 118 kegelinciran berlaku dalam setahun. Ini bermakna tiap-tiap tiga hari sekali berlakunya kegelinciran keretapi, dengan kerugian lebih kurang setengah juta ringgit setahun. Boleh atau tidak pihak Keretapi Tanah Melayu (sebab-sebabnya ia jatuh atau kegelinciran) mengatasi kesilapan-kesilapan ini supaya pada tahun yang akan datang angka ini tidak lagi 118 tetapi tinggal 50, tinggal 30, tinggal 20 dan tidak ada langsung. Boleh atau tidak dibuat begitu.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun pihak Keretapi Tanah Melayu sentiasa mencari ikhtiar dan jalan supaya mengurangkan insiden-insiden ataupun kejadian kegelinciran yang berlaku itu dari semasa ke semasa dengan berbagai usaha seperti membaiki track keretapi yang sebahagian besarnya telah begitu lama usianya. Demikian juga membaharui, membeli dan membaiki wagons atau sebagainya dan melatih pemandu dan kakitangan dengan secara mengadakan latihan-latihan singkat dalam masa mereka

bekerja dan berbagai cara lagi yang difikirkan perlu termasuklah membaharui sebahagian besar jalan-jalan ataupun track keretapi yang ada sekarang ini kepada track yang baru dari satu masa ke satu masa mengikut peringkat demi peringkat dan hasilnya memanglah kita ketahui kegelinciran yang berlaku sekarang telah semakin lama semakin berkurangan jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lepas.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya begini, oleh sebab keretapi selalu tergelincir iaitu 119 kali dalam setahun dan kerugian \$ $\frac{1}{2}$ juta, belum termasuk kerugian yang terdahulu, jadi oleh kerana Kerajaan bercadang hendak membuka jalan baru iaitu Jalan dari Gua Musang ke Kuala Lipis dan terus ke Bentong iaitu jalan highway, adakah pihak Keretapi menimbang jalan keretapi itu digantikan sahaja dengan jalanraya. Jadi Keretapi tak rugi, rakyat boleh berjalan dengan cepat, kayu balak yang dikeluarkan di Kelantan pun boleh beribu-ribu tan dikeluarkan. Jadi, soal pihak Keretapi untuk melatih orang tak timbul, adakah Kerajaan bercadang khasnya Kementerian Pengangkutan serahkan jalan itu kepada Kementerian Kerjaraya supaya dibuat jalanraya?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rancangan pihak Keretapi Tanah Melayu tidak bercadang hendak mengubah jalan itu.

Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid: Mengikut jawapan Timbalan Menteri tadi kegelinciran itu kerap kali berlaku. Bolehkah saya mendapat kepastian disebabkan kegelinciran itu oleh kerana pengawasan the permanent way itu tak betul menjalankan tugas. Kedua, adakah the permanent way ini berjalan dengan terus mengawasi segala landasan yang dijalankan oleh Keretapi iaitu landasan kayu yang dilapik di bawahnya kerana baru-baru ini berlaku kegelinciran di Perak kita lihat landasannya itu sudah lapuk dan oleh kerana kelapukan landasan itu dia memberi jalan retak, pecah dua dan landasan itu menyebabkan kegelinciran?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, pengawasan memanglah sentiasa dijalankan oleh pihak Keretapi Tanah Melayu terhadap kerosakan landasan

dan kegelinciran disebabkan kerosakan landasan itu bukanlah sebahagian besar yang menyebabkan kegelinciran keretapi, kerana mengikut perangkaan sebagaimana yang saya sebutkan tadi daripada 118 kegelinciran yang berlaku hanya 26 daripadanya akibat kerosakan landasan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Dalam jawapan Timbalan Menteri berkenaan saya adalah puas hati, cuma soalan tambahan saya adakah Kementerian ini dapat mengakui bahawa perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu adalah satu perkhidmatan yang paling baik sekali dalam dunia?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah perkara mustahil.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya pun puas hati di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi saya hendak bertanya oleh kerana banyak sangat soal jawab tetapi tiap-tiap tahun kegelinciran semakin banyak berlaku, jadi bolehkah dibuat satu rancangan oleh kerana jalan raya diperbaiki, diperbesarkan, dicantikkan dan sebagainya tetapi keretapi ini tidak ada perubahan landasannya daripada zaman penjajah sampai sekarang track itu juga lagi. Satu daripada sebab kegelinciran yang besar sekali oleh kerana track, boleh atau tidak dibuat satu rancangan yang betul-betul sempurna supaya diperbaiki betul-betul railway track supaya tidak ada perkara ini berlaku lagi. Bolehkah dibuat satu rancangan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat, dan Rancangan Malaysia Kelima dan sebagainya.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, memanglah dalam rancangan pembangunan lima tahun memang diadakan dan dimasukkan usaha-usaha untuk membaiki track keretapi kita yang ada sekarang ini, tetapi suka saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat oleh kerana track keretapi kita ini adalah track satu hala, jadi untuk membuat perubahan dengan sertamerta dalam memperbaiki dan membina jalan keretapi itu pada satu ketika ataupun pada satu masa tentulah perkara yang agak sukar hendak dijalankan, melainkan terpaksa dibuat mengikut peringkat-peringkat, tetapi sekiranya kita dapat membina track keretapi yang dua hala, ini barangkali mungkin usaha seperti ini dapat kita buat.

PENGUNDI-PENGUNDI BARU— SAMBUTAN

15. Datuk Syed Hassan Aidid minta Perdana Menteri menyatakan bilangan pengundi-pengundi baru yang telah didaftarkan dalam gerakan mendaftar pengundi baru-baru ini dan sama ada Kerajaan puas hati dengan sambutan yang diberikan berdasarkan bilangan yang mendaftar dan jika tidak apakah sebab-sebab yang menjadikan sambutannya dingin dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi perkara ini di masa yang akan datang.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihanraya masih belum lagi dapat memberikan jumlah bilangan pengundi-pengundi baru yang telah didaftarkan baru-baru ini memandangkan bahawa ianya masih lagi di peringkat memproses borang-borang permohonan yang dihantar oleh 4,340 buah pusat pendaftaran di seluruh negara.

Oleh itu, soal Kerajaan berpuashati atau tidak dengan sambutan yang diberikan itu tidaklah timbul pada masa ini kerana penilaian mengenainya hanya akan dapat dibuat sebaik sahaja semua jenis borang-borang permohonan selesai diproseskan dalam sedikit masa lagi.

LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI—KEUNTUNGAN

16. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah keuntungan yang didapati pada tahun 1979 ini oleh LUTH (Lembaga Urusan dan Tabung Haji) dan adakah LUTH bercadang menaikkan kadar bonos bagi penyimpan-penyimpan dari kadar sekarang; dan
- (b) adakah LUTH bercadang melabur modal di luar Malaysia memandangkan kepada kegiatan-kegiatan LUTH yang menguntungkan.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu mengenai soalan—

- (a) keuntungan sebenar yang diperolehi oleh LUTH bagi tahun 1979 masih

belum dapat ditentukan kerana penyata kira-kira bagi tahun tersebut belum lagi ditutup. Walau bagaimanapun, adalah dianggarkan bahawa pihak LUTH akan mendapat keuntungan bersih bagi tahun 1979 lebih kurang \$10.1 juta. Mengenai bonos pula adalah menjadi hasrat Lembaga untuk menaikkan lagi kadar bonos yang ada sekarang ini.

Berhubung dengan soalan (b) setakat ini LUTH belum lagi ada cadangan untuk melaburkan modal di luar negeri.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji bercadang berkongsi niaga dengan MAS bagi membeli kapal terbang, kalau pada musim haji digunakan oleh MAS untuk menghantar ahli-ahli Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan penumpang ke Mekah, selepas itu pihak MAS menguruskan penerbangan biasa ke dalam atau ke luar negeri. Adakah Kerajaan bercadang dengan syor saya ini?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, belum ada lagi cadangan seumpama ini.

RUMAH MURAH

17. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah Kementerianya sedang diambil:

- (a) bagi membina lebih banyak rumah murah untuk menghadapi kehendak-kehendak rumah daripada golongan yang berpendapatan rendah; dan
- (b) untuk menjamin bahawa harga-harga rumah tidak meningkat tetapi dikawal dengan kos yang realistik.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, istilah rumah murah yang saya maksudkan di dalam jawapan saya ini ialah rumah yang dibina oleh Kerajaan dan pemaaju-pemaaju swasta yang berharga kurang daripada \$25,000 seyunit, Kementerian saya telah dan akan mengambil langkah-langkah yang tegas bagi menambahkan lagi pembinaan rumah-rumah harga murah untuk golongan yang berpendapatan rendah.

Dari segi kewangan Kerajaan telah menambahkan lagi peruntukan bagi sektor awam di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga daripada \$2.4 billion kepada \$3.1 billion untuk membina 241,300 unit rumah.

Di bawah program perumahan awam kos rendah yang dikendalikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri melalui peruntukan daripada Kementerian saya, peruntukan juga telah ditambah daripada \$480 juta kepada \$663.4 juta bagi membina 73,506 unit rumah. Bagi menambahkan lagi keupayaan Kerajaan membina rumah-rumah awam kos rendah dengan lebih banyak dan cepat, tenaga professional dan teknikal di Jabatan Perumahan Negara akan dilipatgandakan lagi. Begitu juga tenaga pengurusan dan perancangan projek di peringkat negeri telah dan akan ditambah dengan penubuhan unit perumahan di pejabat-pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Bagi galakan dan incentive kepada pemaju-pemaju swasta untuk membina lebih banyak lagi rumah-rumah harga murah yang mampu dibeli oleh golongan berpendapatan rendah, langkah-langkah dari segi pentadbiran dan kewangan telah diambil oleh Kerajaan. Di samping itu juga Kerajaan-kerajaan Negeri menggalakkan pemaju-pemaju perumahan swasta supaya membina lebih banyak rumah-rumah yang harga rendah.

Bagi menjawab pertanyaan yang kedua pula berhubung dengan tiada kawalan dijalankan mengenai kenaikan harga adalah tidak berapa tepat. Sebenarnya kebanyakan Kerajaan Negeri apabila meluluskan permohonan-permohonan untuk kemajuan perumahan ada mengenakan syarat yang menetapkan harga bagi rumah-rumah jenis harga rendah. Walaupun dalam hal pengawalan harga ini adalah ditujukan kepada satu jenis rumah sahaja, Kementerian saya sedang memikirkan perkara ini dan sedang mencari jalan untuk mencuba mengawal kenaikan harga ini. Dan dalam hal kemajuan perumahan kawalan harga melalui proses mengenakan harga yang standard tidak feasible oleh kerana skim-skim perumahan adalah berbeza-beza di antara satu dengan lain, Kementerian saya juga menasihatkan pemaju-pemaju untuk memberi perhatian yang lebih berat kepada keperluan-keperluan rakyat dan diharapkan pada masa-masa akan datang

kegiatan kemajuan perumahan oleh pihak swasta akan mencerminkan perkara-perkara ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak swasta dan juga bagi pihak Kerajaan, masyarakat kita di Malaysia ini dibahagikan kepada empat peringkat iaitu peringkat yang tinggi, yang di atas, bawah dan terendah sekali. Peringkat yang empat inilah yang kita bincangkan hari-hari dan debate pada tiap-tiap mesyuarat, peringkat empat ini gajinya \$3.50—\$4.00 sehari. Jadi jikalau rumah yang dikatakan murah oleh Kerajaan harganya \$20,000 memang tidak mampu dibeli, walau apapun dikatakan oleh Kementerian memang tidak mampu dibeli oleh peringkat yang bawah sekali. Jadi bolehkah atau tidak Kerajaan memikirkan sebagaimana di Singapura membina flat yang tinggi harga murah dengan bayaran \$20-\$30 sebulan, bolehkah dibina di Kuala Lumpur dan juga di seluruh Malaysia ini atau sudah dibuat oleh Kerajaan Malaysia di bawah naungan Kementerian?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, memang ada rancangan pada mereka yang berpendapatan rendah, sebagaimana saya, pada masa yang lepas, telahpun memberi Buku Panduan dan Yang Berhormat sudah terima, jadi kalau Yang Berhormat baca Buku Panduan Skim Pinjaman Rakyat itulah satu-satunya yang tidak termasuk dalam rancangan yang saya jawab kepada Yang Berhormat Senator yang menyoalkan soalan ini. Jadi itu satu daripada skim yang mana kita memberi pinjaman dengan faedahnya 5½% dan bayar balik di antara 15-25 tahun dan barangkali hanya \$20-\$30 sahaja saya rasa sebagaimana kata Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian Perumahan dapat tahu bahawa Kerajaan Selangor ada berkongsi niaga dengan swasta kerana membuat rumah blok tiga tingkat dengan harga \$7,600 sahaja se unit dan kalau itu boleh dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor mengapa Kementerian Perumahan tidak mengikut contoh itu dan menasihati Kerajaan-kerajaan Negeri.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar Kerajaan Negeri Selangor ada joint venture dengan pemaju perumahan yang membuat rumah cluster link yang harganya \$7,000-\$8,000 se unit.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Husain: \$7,600.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Kementerian saya memberi galakan kepada pemaju swasta dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri mengadakan joint venture macam itu. Tetapi oleh kerana pelaksanaan pembinaan itu Kementerian memberi peruntukan wang sahaja, jadi Negeri Selangor sahaja yang menjalankan permulaan, barangkali negeri-negeri lain akan mengikutlah. Kalau itu sebagai pilot scheme yang baik barangkali negeri-negeri lain akan mengikut rancangan-rancangan yang baik itu. Kita boleh beri peruntukan wang, kita tidak boleh laksanakan, cuma Kementerian saya atau Jabatan Perumahan Negara yang dapat laksanakan, tanahnya pula adalah di bawah Kerajaan Negeri, kalau tanah itu Kerajaan Negeri beri kepada Kementerian, maka bolehlah dilaksanakan mengikut cadangan Yang Berhormat itu.

Tuan Ismail bin Hashim: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan, satu daripada cara untuk meminjam daripada Kementerian Perumahan iaitu \$7,500 menghendaki cagaran tanah, kalau tidak ada cagaran sudah semestinya pihak Kementerian tidak akan memberikan pinjaman. Masalahnya orang-orang yang berpendapatan rendah \$300 sebagaimana kata sahabat saya tadi iaitu mereka ini memang tidak ada tanah dan kalau hendak pinjam \$7,500 dengan bayaran \$35 atau \$30 boleh mereka bayar, tetapi mereka tidak ada tanah, macam-mana pinjaman hendak diberi, itu soalan saya. Jadi, bolehkah atau tidak Kementerian Perumahan memberi pinjaman tanpa cagaran kepada pemohon-pemohon yang berpendapatan rendah bilamana dia ada mempunyai keluarga atau saudara dia mempunyai tanah untuk diberikan tanahnya untuk dibina rumah—jadi boleh atau tidak Kementerian ini memberi pinjaman kerana dia tidak mempunyai tanah, sebaliknya dia menumpang tanah untuk membina rumah di atas tanah saudara dia?

Satu lagi saya hendak bertanya masalah rumah murah yang dikatakan rumah murah dan rumah kos rendah adalah berlainan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa rumah yang berharga kos rendah ialah \$20,000 ke bawah dan bayarannya lebih kurang dalam 25 tahun dan masalahnya bahawa orang yang berpendapatan \$500 ke bawah dia tidak akan berkemampuan untuk membeli rumah yang berkost rendah yang berharga \$25,000 ke bawah disebabkan satu bulan ansuran bayarannya \$75 sebulan tidak termasuk api, air dan sebagainya. Bolehkah atau tidak bagi pihak Kementerian memberikan pandangan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang mempunyai tanah, Kerajaan Negeri bagi pihak Kementerian memberikan subsidi terus tanpa mengirakan apakah bayaran balik atau pinjaman kepada Kerajaan Negeri untuk membina rumah yang harga kos rendah ini dan boleh atau tidak bagi pihak Kementerian memberikan subsidi kepada Kerajaan Negeri supaya rumah harga kos rendah ini diperendahkan harganya? Itu soalan saya.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya ini bukanlah Kementerian, *dengan izin*, "welfare hand-out", atau kita beri welfare hand-out; kita beri peruntukan pinjaman itu kepada orang yang betul-betul tidak mampu dan Kementerian pula bukan untuk mencari keuntungan dan memang kita membuatkan rumah untuk mereka yang berpendapatan rendah. Soal boleh atau tidak boleh seperti yang disoalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah terlalu detail tetapi Kementerian saya ada mempunyai peraturan-peraturan yang tertentu yang mana contohnya kalau seorang itu tidak ada tanah, kemudian ada pula saudara-maranya yang membenarkan tanahnya dicagarkan supaya membolehkan dia mendapat pinjaman, itu boleh dan boleh diberi pinjaman sebagaimana yang dimaksudkan. Ini cuma common sense untuk hendak mendapatkan pinjaman, peraturannya telah ada di hadapan kita dan cara hendak mendapatkannya tidaklah susah asalkan dia sanggup membayar balik dalam tempoh yang ditentukan. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ada kemusykilan, bolehlah berjumpa saya dan saya akan adakan dialog dengan Ahli-ahli Dewan Negara mengenai dengan rumah awam harga murah dan kos rendah.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dasar Kerajaan pada hari ini untuk membasmi kemiskinan terutama sekali perumahan. Ini bukan welfare, kita tidak pandang sebab Kementerian Yang Berhormat adalah Kementerian welfare, beri duit percuma—tidak. Adakah atau tidak rancangan Kerajaan oleh kerana Kerajaan Federal, Kementerian Yang Berhormat tidak mempunyai tanah jadi minta Kerajaan Negeri tetapi Kerajaan Negeri pun tidak bertanah, cuma tanah estet yang besar-besar, jadi tidak ada tanah lagi. Boleh atau tidak difikirkan oleh Kementerian Yang Berhormat iaitu membeli tanah-tanah, boleh diambil tanah-tanah orang oleh kerana mengikut Land Code boleh diambil untuk public purpose, boleh diacquire tanah di tepi-tepi pekan Kuala Lumpur, diambil tanah itu dibayar mengikut harga yang berpatutan hari ini sebab barangkali beberapa tahun lagi langsung tidak boleh diberi dengan harga itu. Jadi boleh atau tidak Kerajaan berfikir pada hari ini membeli dengan cara acquire untuk public purpose supaya dalam 2 tahun yang akan datang kita dirikan, tegakkan oleh kerana rumah untuk orang miskin bukan macam hendak buat istana, dia hendak buat rumah yang kecil-kecil sahaja, tidak sampai 1,700 kaki sahaja. Kalau \$1 sekaki persegi; 1,700 kaki cuma \$1,700, campur \$7,600 jadi \$9,000 sahaja. Boleh atau tidak Kementerian fikirkan di atas cadangan saya ini?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Terima kasih kepada Yang Berhormat untuk cadangannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya tidak boleh tetapi yang bolehnya ialah Kerajaan-kerajaan Negeri acquire tanah itu, sebab tanah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri. Kementerian saya boleh beri peruntukan untuk membina rumah awam kos rendah.

TENTERA VIETNAM DI KAMPUCHEA—PENDIRIAN MALAYSIA

18. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Malaysia mengenai tindakan tentera Vietnam di Kampuchea dan bagaimana akibatnya kedudukan di Sempadan Thai/Kampuchea itu terhadap Malaysia.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, pendirian Malaysia di dalam hal ini adalah sejajar dengan pendirian negara-negara ASEAN yang lain sepertimana yang terkandung di dalam kenyataan bersama Menteri-menteri Luar ASEAN yang dipersetujui di Bangkok pada 12hb Januari, 1979 serta jua kenyataan-kenyataan Bersama yang dikeluarkan di Bali dan di Kuala Lumpur. Resolusi Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini telah jelas menyuarakan prinsip menghormati kedaulatan keutuhan wilayah serta ketiadaan campurtangan mengenai urusan dalam negeri, negara-negara lain termasuk jua pengunduran tentera asing daripada negara yang berkenaan.

Mengenai situasi di sempadan Thai/Kampuchea, sepertimana seringkali diumumkan, suasananya sungguh membimbangkan, disebabkan oleh kemungkinan melimpahnya pergolakan ini kepada negara-negara lain kiranya pertikaian ini berterusan dan penyelesaian politik tiada dicapai.

Malaysia berharap bahawa penyelesaian politik dapat dihasilkan secara aman agar kestabilan dan keamanan di rantau ini dipulih kembali dan masa depannya terjamin.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Oleh sebab soal ini saya pandang satu soal yang serius di tanahair kita, saya suka bertanya apakah usaha-usaha padu Kementerian Luar Negeri terutama terhadap Bangsa-bangsa Bersatu sebagai satu piagam menyatakan sesebuah negeri lain tidak boleh menodai negeri-negeri lain seperti Vietnam yang telah menodai negeri Kampuchea. Adakah usaha-usaha Kementerian Luar Negeri kita diteruskan bersungguh-sungguh di Bangsa-bangsa Bersatu supaya Bangsa-bangsa Bersatu mengambil tindakan yang wajar secepat-cepatnya sebab saya pandang di hadapan rumahtangga kita sekarang, Malaysia, nyata satu bahaya yang tidak dapat dinafikan.

Jadi saya soal balik, adakah usaha padu dibuat oleh Kementerian Luar Negeri kepada Bangsa-bangsa Bersatu mengambil tindakan yang sewajarnya dengan secepat mungkin supaya tidak merebak ke tanahair kita ini?

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, peringkat pertama dalam

membuat penyelesaian melalui Bangsa-bangsa Bersatu telahpun dicapai baru-baru ini apabila resolusi ASEAN telah diterima oleh negara-negara anggota di dalam Bangsa-bangsa Bersatu. Sekarang masalahnya itu adalah terserah kepada pihak Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu untuk melaksanakannya. Malangnya, dalam kita telah berjaya sehingga meluluskan usul di Bangsa-bangsa Bersatu menunggukan masa untuk tindakan selanjutnya, berlaku beberapa perkembangan yang lain seperti di Iran dan di Afghanistan yang telah menarik perhatian Bangsa-bangsa Bersatu pindah daripada tumpuannya menghadapi masalah kita sekarang ini.

Walau bagaimanapun di samping itu beberapa perjumpaan sedang disusun dan telah dibuat oleh wakil-wakil tetap kita di Bangsa-bangsa Bersatu membincangkan dengan negara-negara berkenaan dan termasuklah mengaturkan satu perjumpaan dengan Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu sendiri baru-baru ini yang butir-butirnya tidak dapat kita umumkan di sini.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Masalah Kampuchea dengan Vietnam ini adalah perkara yang serius yang telah dikaji oleh negara kita dan dibawa kepada Persidangan Negara-negara ASEAN. Dalam persidangan itu telah dipersetujui bahawa Menteri Luar Malaysia akan mewakili ASEAN berjumpa dengan Kerajaan Vietnam. Akhir-akhir ini Kerajaan Vietnam hanya menerima Menteri Luar Malaysia, tidak sebagai Wakil ASEAN, dan kebetulan esok pagi Yang Berhormat Mulia Menteri Luar kita akan bertolak. Apa pendirian kita dan bagaimana pandangan dunia terhadap kita yang kita mengaku bahawa kita pergi atas nama wakil lima buah negara ASEAN dan besok kita pergi atas nama Malaysia sahaja? Apa konsep Kerajaan kita membenarkan Menteri Luar ini pergi ke Vietnam itu.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, soal Kementerian Luar membenarkan Menteri Luarnya pergi tidak timbul.

Tuan Yang di-Pertua, perbincangan dan penelitian terhadap masalah yang berlaku di rantau ini sememangnya dibincang atas

nama dua negara atau atas nama negara-negara anggota ASEAN. Berbeza sedikit dengan usaha pemergian Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri ke Vietnam kerana sehingga hari ini pendirian Malaysia dalam menghadapi masalah dan seterusnya perbincangan dengan negara Vietnam ialah selaku perhubungan dua hala sama ada di Bangsa-bangsa Bersatu ataupun di Havana baru-baru ini.

Sungguhpun usaha yang dibuat itu adalah usaha yang diselaraskan dengan rakan-rakan yang menjadi anggota negara ASEAN, walaupun baru-baru ini dalam perjumpaan tidak rasmi Menteri-menteri Luar Negara ASEAN telah memutuskan supaya pemergian Menteri Luar ke Vietnam atas nama beliau selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap (Standing Committee ASEAN) tetapi tidak ada ikatan ataupun kata pemutus yang beliau mesti pergi atas nama beliau selaku Pengerusi Standing Committee ASEAN kerana sehingga itu dan membawa kepada hari ini rancangan Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri hendak pergi ke Vietnam ialah atas nama beliau selaku Menteri Luar Negeri Malaysia dan sebarang usaha yang hendak dibuatnya itu ialah atas nama dan usaha Kerajaan Malaysia sendiri. Walau bagaimanapun, ini tidaklah bermakna sebarang pandangan dan juga syor yang telah disuarakan melalui Menteri-menteri ASEAN tidak boleh disampaikan pandangan-pandangan ini kepada pemimpin-pemimpin di Vietnam. Inilah approach ataupun cara yang akan dihadapi dalam lawatan yang akan dibuat oleh Menteri Luar Negeri ke Vietnam nanti.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapannya Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa masalah invasion Vietnam ke dalam Kampuchea, pandangan dunia telah beralih kepada pandangan yang berlaku di Iran dan juga mungkin di negara-negara lain seperti Afghanistan. Saya ingin mendapat penjelasan mengenai pendirian Kementerian Luar Negeri, tidakkah Kementerian Luar Negeri merasa bahawa masalah Vietnam ini adalah melibatkan bermelion manusia terbunuh dan beratus ribu yang menjadi pelarian, tidakkah boleh ditekankan kepada mata dunia bahawa masalah ini

lebih penting daripada masalah orang Amerika yang terlibat di dalam pergolakan di Iran.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila kemukakan soalan tambahan. Ini bukan perbahasan.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Saya minta penentuan sikap Kementerian Luar Negeri, mengenai dengan apa yang dijawab oleh Timbalan Menteri tadi mengenai dengan masalah Vietnam telah beralih kepada Iran. Tidakkah Kementerian ini berpendapat bahawa masalah Vietnam ini lebih besar daripada masalah Iran dan apakah tindakan-tindakan yang diambil di dalam dasar luar negeri mengenai masalah ini.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun ada peristiwa-peristiwa yang lain yang telah melencungkan pandangan mata dunia daripada apa yang berlaku di rantau ini, ini tidak bermakna bahawa Kementerian Luar Negeri atau Kerajaan Malaysia keseluruhannya memutuskan ataupun menghentikan usaha kita menekankan betapa pentingnya dan meruncingnya masalah yang kita sedang hadapi di rantau ini. Usaha-usaha ini terus dibuat dan akan kita cari sebarang langkah yang boleh menentukan bahawa sesuatu penyelesaian akan terus tercapai bagi rantau kita ini walaupun ada peristiwa-peristiwa yang lain yang mungkin akan menenggelamkan usaha yang sedang kita jalankan sekarang ini. Inilah saya beri jaminan di sini bahawa pihak Kementerian Luar Negeri dan Kerajaan keseluruhannya tidak akan berdiam diri kerana adanya peristiwa-peristiwa di lain-lain tempat sehinggakan masalah yang kita hadapi ini tercicir begitu sahaja di mata dunia.

Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid: Dasar Luar Negeri kita ini saya rasa patut sangat kita bincangkan panjang lebar dalam perkara ini. Pada pagi tadi akhbar tempatan telah mengeluarkan satu siaran yang berupa tiga negara Indo-China termasuk Burma telah mengadakan satu rupa perundingan berkehendakkan berdialog dengan negara-negara ASEAN dengan cara bilateral. Apakah pendapat Kementerian Luar terhadap perkara ini?

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar atas adanya perjumpaan di antara negara-negara Indo-China di Vientiane yang telah dilaporkan di dalam akhbar dan kita sedang meneliti apakah implikasi dan apakah sebenarnya selain daripada yang tersurat, apakah yang tersirat dalam sebarang perkembangan yang berlaku di sana sekarang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG UBAT (IKLAN DAN PENJUALAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (7hb Januari, 1980).

Perbahasan disambung semula.

3.48 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, semalam saya baru mula menggulung perbahasan ini dan oleh kerana banyak Ahli-ahli Yang Berhormat telah bercakap maka jawabannya pun nampak panjang sedikit. Walau bagaimanapun, saya cuba hendak meringkaskannya.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad telah menarik perhatian pihak Kementerian tentang penjualan ubat-ubatan yang berleluasa di tepi-tepi jalan, begitu juga Yang Berhormat Senator Haji Mahmoud Salim, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Razak bin Haji Husain telah bersama-sama menyuara masalah ini. Mereka minta supaya pihak Kementerian ini mengambil langkah dan tindakan yang wajar dalam menentukan keselamatan kesihatan rakyat yang mungkin terancam akibat daripada penggunaan ubat-ubatan yang belum dapat dipastikan keselamatannya.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum penjual-ubatan di tepi-tepi jalan ini biasanya petah bercakap seperti kata saya kelmarin dan pandai memberi segala penjelasan mengenai kemujarapan ubat-ubatan ini dan

kepetahan ini telah menarik minat pengguna-pengguna. Daripada segi teori bercakap seperti ini oleh penjual-penjual ubat adalah juga merupakan iklan (advertisement) dan sudah tentu terkawal di bawah undang-undang ini. Tetapi yang menjadi masalah, ialah kesukaran bagi pihak kita hendak mengawalkan penjualan ubat-ubat seperti ini di tepi-tepi jalan. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Kesihatan telah juga mengambil tindakan-tindakan terhadap mereka dan telah membuat beberapa serbuan. Bulan lepas kita telah menyerbu di Jalan Chow Kit dan telah menangkap dan merampas beberapa jenis ubat-ubat di kawasan itu dan serbuan-serbuan seperti ini akan dijalankan atau akan dibuat dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad juga telah menyarankan supaya dukun-dukun tradisional diberi satu kursus dan selepas itu diberi pengiktirafan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pihak Kementerian Kesihatan tidaklah mempunyai pakar-pakar ataupun kemampuan hendak memberi kursus dalam bidang ubatan tradisi dan tambahan lagi perkara ini adalah di luar bidang kuasa Lembaga Iklan Ubat-ubatan ini iaitu satu lembaga yang bertanggungjawab atas masalah pengiklanan ubat-ubatan dan juga terhadap masalah pengiklanan kebolehan (skill) di dalam rawatan perubatan. Beliau juga telah menyebut tentang klinik-klinik yang digunakan yang mana hanya dianggotai oleh seorang Pembantu Hospital yang menjual ubat-ubat dan tidak ada doktor. Saya rasa kalau adalah kes specific seperti ini sila laporkan kepada Kementerian supaya tindakan yang sesuai dapat diambil kerana setakat yang saya tahu kita tidak membenarkan satu klinik, dalam ertikata klinik perubatan yang sebenarnya, dibuka oleh seorang Pembantu Hospital. Jika sekiranya maksud Ahli Yang Berhormat itu pharmacy atau kedai-kedai ubat yang dibuka oleh mereka yang bertauliah (qualified pharmacists), ini memang boleh oleh kerana mereka didaftarkan di bawah Undang-undang Pharmacy dan boleh menjalani usaha atau perniagaan menjual ubat-ubatan.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh tentang pengiklanan ubat-ubatan di tempat-tempat ataupun gudang ubat yang

tidak mendapat kebenaran dan juga penjualan ubat-ubatan oleh mereka yang tidak berkelayakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pengiklanan ubat-ubat ini akan dikawal oleh satu Akta, Undang-undang ataupun peraturan-peraturan yang akan dibuat ekoran daripada satu pindaan Rang Undang-undang iaitu Rang Undang-undang Penjualan Makanan dan Dadah yang akan kita bentangkan di dalam Dewan ini selepas ini. Mengenai penjualan ubat-ubatan oleh mereka yang tidak mempunyai kebenaran, Kementerian ini sentiasa mengawal penjualan ubat-ubatan yang berupa racun.

Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin telah meminta penjelasan atas beberapa perkara dalam Rang Undang-undang ini. Beliau telah menyentuh Seksyen 3 (a), (b) dan (c) dan juga Jadual (7) dalam Rang Undang-undang ini. Mengikut pindaan yang dikehendaki di dalam Rang Undang-undang ini iaitu sebagai contoh, di dalam Jadualnya "diseases of the kidney" ditukarkan kepada "diseases or defects of the kidney". Begitu juga di dalam kes "sexual function or impotency" telah ditukarkan mengikut Jadual baru kepada "impairment of the sexual function or impotency".

Tuan Yang di-Pertua, pertukaran yang penting dalam Seksyen ini ialah bahawa dengan adanya pindaan ini Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dalam masalah kesihatan adalah diberi kuasa bagi menukar ataupun menambah di senarai penyakit-penyakit dalam jadual dengan tidak perlu menukar ataupun meminda undang-undang iaitu dengan cara hanya memberi perintah sahaja (by order) dan cara begini cepat—senanglah sedikit tidak perlu dibawa ke Parlimen.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin juga telah menyuarakan kebimbangan beliau mengenai pengiklanan oleh badan ataupun oleh orang-orang tertentu umpamanya oleh badan-badan ataupun orang-orang yang hendak mencegah dan merawat penagih-penagih dadah yang mungkin akan tersekat akibat daripada pindaan Undang-undang ini iaitu "publication of advertisements by

public bodies or groups of people, for example, bodies involved in the treatment of drug addiction.”

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya peruntukan dalam Seksyen 3 (c) (1) muka surat (2) Rang Undang-undang ini memberi Yang Berhormat Menteri kuasa untuk mengeluarkan iklan-iklan seperti yang dikehendaki. Sebenarnya pindaan ini akan mengecualikan pihak Kerajaan dan lain-lain badan daripada peruntukan di bawah Seksyen (3). Akibat pindaan ini ialah pihak-pihak Kerajaan dan badan-badan yang diberi kuasa untuk mengiklankan apa-apa yang diharamkan di bawah Seksyen (3) ini demi kebaikan kesihatan rakyat jelata.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyebut tentang perlunya mengawal rawatan-rawatan untuk penyakit-penyakit lain seperti contoh yang diberinya iaitu penyakit botak (baldness). Dengan adanya pindaan ini, saya rasa Yang Berhormat Menteri bolehlah memasukkan penyakit seperti “cure for baldness” macam di Jadual ini jika didapati perlu.

Saya menghargai dan berterima kasih kepada Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin yang telah melahirkan kebimbangannya dan memberi pandangan yang baik supaya pegawai-pegawai yang diberi kuasa untuk menyiasat dan mendakwa kes-kes berkaitan dengan kesalahan dalam Rang Undang-undang ini diberikan kursus dan latihan-latihan tertentu dan dengan pengetahuan yang mendalam supaya mereka yang disiasat dan didakwa tidak teraniaya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mereka yang bertugas ini telah diberi kursus-kursus tertentu dengan bantuan pihak Polis dari segi bagaimana hendak membuat penyiasatan dan lain-lain dan begitu juga pihak pegawai-pegawai penguatkuasa ini telah dihantarkan ke mahkamah-mahkamah bagi menyaksikan dan mempelajari bagaimana kes-kes itu didakwa di dalam mahkamah-mahkamah. Latihan seperti ini akan diperbaiki dari masa ke semasa supaya pegawai-pegawai ini tahu sebenar-benarnya tugas mereka seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu bagi mengelakkan mereka yang terlibat dari teraniaya.

Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salmah telah meminta supaya pihak Kementerian mengawal iklan-iklan yang mengelirukan iaitu ubat-ubatan yang dijual adalah berlain daripada yang diiklankan. Inilah tujuan Rang Undang-undang ini, iaitu mengawal iklan-iklan seperti ini. Tiap-tiap satu iklan yang hendak diiklankan di dalam sebaran am seperti suratkhbar, radio, televisyen dan lain-lain mestilah menurut peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang telah ditentukan oleh pihak Lembaga Pengiklanan Ubat-ubatan ini dan kadangkala kita minta supaya ianya diberi dalam beberapa bahasa iaitu bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil bergantung kepada di mana ubat-ubat ini hendak diiklankan. Dan iklan-iklan ini akan ditapisikan oleh Lembaga itu menurut panduan (guideline) yang telah ditentukan oleh Lembaga ini dan iklan-iklan yang tidak mengikut atau bercanggah dengan peraturan ini tidak akan diluluskan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Haji Yaacob telah meminta Kementerian ini mengawasi bomoh-bomoh dan bertanya sama ada bomoh-bomoh ini mendapat lesen daripada pihak Kementerian Kesihatan. Kementerian ini memang tidak ada mengeluarkan lesen-lesen, Tuan Yang di-Pertua, kepada bomoh-bomoh.

Mengenai pengawasan ubat-ubatan tradisi ini memanglah ianya di dalam perhatian Kementerian ini, khususnya daripada segi kemungkinannya rawatan-rawatan seperti ini menjejaskan ataupun membawa kemerbahayaannya kepada kesihatan orang ramai, terutama sekali kalau ia berluasan. Beliau juga telah bertanya tentang sama ada iklan ubatan-ubatan ini mendapat kelulusan sebelum diiklankan, saya sudah pun menjawab.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ibrahim telah bertanya siapa dia “authorised officer”. Saya rasa ini ada ternyata di dalam Rang Undang-undang ini sendiri dalam Seksyen 2, muka surat 1 dan seksyen 6A iaitu registered pharmacist dalam perkhidmatan awam.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Dr C. Sinnadurai yang telah menyebut tentang drug explosion iaitu banyak ubatan-ubatan didapati sekarang jika dibandingkan

dengan 40 tahun dahulu dan akibat daripada ini timbullah beberapa masalah. Tuan Yang di-Pertua, Ordinan yang ada ini merupakan satu langkah bagi menentukan bahawa orang awam tidak akan diberi maklumat yang salah oleh pengiklan-pengiklan. Dengan cara ini kita berharap akan dapat mengatasi serba sedikit kebimbangan yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk Dr C. Sinnadurai. Beliau juga telah menyebet tentang laporan terhadap reaksi yang tidak baik iaitu Adverse Report on Drugs Reaction dan telah mencadangkan supaya pihak pharmacist memainkan peranan mereka bagi memberi information yang tepat kepada doktor-doktor yang mana katanya adalah kadang-kadang begitu sebuk untuk keeping up with the development of new drugs.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tujuan dan hasrat Kementerian ini supaya farmasi-farmasi, terutama sekali mereka di dalam Kerajaan yang mempunyai pengetahuan dalam bidang ubat-ubatan dengan cara mendalam memberi maklumat-maklumat yang baharu dan tepat kepada para doktor kita supaya dapat mereka memilih ubat-ubat yang sepatutnya digunakan dan juga mengelakkan reaksi yang tidak baik.

Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak telah meminta Kementerian Kesihatan supaya dibuat kawalan yang rapi terhadap penjualan ubatan dan meminta supaya ubat-ubat ini diasas dengan sebenar-benarnya. Beliau juga meminta supaya kita mempunyai persiapan dan alat-alat untuk menganalisa ubatan-ubatan ini. Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kesihatan telah menubuhkan satu makmal iaitu Makmal Kawalan Ubat Kimia Kebangsaan (National Pharmaceutical Laboratory) di Petaling Jaya bagi menganalisa ubatan-ubatan yang dijual di dalam pasaran yang digunakan oleh kita, makmal ini hanya baharu berumur setahun dan dalam masa setahun ini kita telah dapat serba-sedikit menjalankan penyiasatan. Dengan adanya makmal ini maka dapatlah kita menjalankan pencegahan dengan bermakna dan lebih efektif lagi. Setakat ini kita hanya menyiasat daripada segi keselamatan ubat (safety of the medicine) yang dijual dan juga kita berharap kemudahan serupa ini juga dibuat dalam bidang lain pada masa-masa akan datang.

Suka saya menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, dengan tertubuhnya makmal ini kita telah dapat melaksanakan penyiasatan kita dengan pihak pegawai Penguatkuasa dari Kementerian ini dengan lebih berkesan kerana dengan adanya makmal kita sendiri kita tidak begitu sangat bergantung kepada makmal-makmal lain, walaupun kita masih menghendaki pertolongan dari makmal-makmal lain. Beliau juga telah meminta kita menyiasat tentang minuman Coca Cola, ubat nyamuk dan beberapa benda lain, kalau tidak salah saya cosmetics ataupun eyelashes atau eye-shadow. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak termasuk di dalam Rang Undang-undang ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan sentiasa menyiasat kes-kes yang telah dilaporkan kepada Kementerian tentang bahayanya benda-benda seperti ini terhadap kesihatan rakyat.

Beliau juga telah meminta kita supaya mengambil perhatian dan menyiasat tentang iklan-iklan, dan telah menyebutkan iklan majun yang menyegarkan daya sex manusia iaitu apa yang disebutkan Yang Berhormat Senator semalam. Tuan Yang di-Pertua, kita ada seksyen 3 dalam Rang Undang-undang ini melarang pengiklan-pengiklan memberi satu pengakuan atas satu-satu ubat itu membaiki sex seseorang. Jadi, ini terkawallah di dalam Rang Undang-undang ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub telah meminta Kementerian kita mengkaji cara-cara lain untuk merawat satu penyakit dengan tidak payah menggunakan ubat-ubat dan beliau telah menyebutkan homeopathy sebagai cara rawatan yang tidak menggunakan ubat ataupun dadah langsung. Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah tahu bagaimana rawatan homeopathy ini yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu, tetapi dalam pengetahuan dan pengalaman saya ada penyakit-penyakit yang mesti menghendaki rawatan dengan ubat yang tertentu. Umpamanya, satu infection itu menghendaki anti-biotic. Tidak tahulah saya sama ada dengan cara homeopathy kita dapat merawat penyakit macam itu. Jikalau kita dapat mengadakan satu-satu rawatan dengan tidak menggunakan ubatan-ubatan (medicine) ataupun dadah, saya rasa ianya akan dapat menyelamatkan Kerajaan kita daripada

membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membeli ubat-ubat bagi menjamin kesihatan rakyat.

Yang Berhormat Senator Puan Rahmah binti Othman telah meminta supaya Kementerian mengkaji dan mengawal ubatan-ubatan sebelum ianya dijual dan digunakan oleh setiap masyarakat dan beliau telah mengambil contoh slimming tablet iaitu pil kononnya menurunkan berat badan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pengawasan, penyiasatan dan pengawalan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah termasuk di dalam pindaan Rang Undang-undang Jualan Makanan dan Dadah yang akan dibentangkan di dalam Dewan ini nanti.

Mengenai slimming tablet, Tuan Yang di-Pertua, saya telah dapat tahu bahawa ada side effectnya, tetapi saya rasa cara yang baik sekali bagi kita menguruskan badan (slimming) ialah kurangkan makan terutama makanan lemak-lemak dan kanji bahkan kelmarin Yang Berhormat sendiri telah menyatakan bahawa makan ubat pil yang beliau sebutkan itu nafsu kita hilang. Sebenarnya nafsu hilang, tidak mahu makan itu yang menjadi kita kurus, jadi kalau tidak percaya pengurangan makanan berlemak dan berkanji akan menguruskan, cuba tak makan dua minggu, insya Allah kita akan kurus dan berat badan akan turun.

Yang Berhormat juga telah meminta supaya Menteri menyiasat Health Centre ataupun Pusat Kesihatan di beberapa tempat di negara kita ini dan meminta saya melawat di tempat-tempat ini sebelum mengeluarkan lesen. Tuan Yang di-Pertua, istilah Pusat Kesihatan ataupun Health Centre yang kita dengar yang digunakan di hotel-hotel saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, adalah mengelirukan. Dalam konteks apa yang kita maksudkan dengan Pusat Kesihatan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan ini adalah berlainan. Kita mempunyai Pusat Kesihatan Besar dan Pusat Kesihatan Kecil dan lain-lain tetapi Health Centre yang disebut oleh Yang Berhormat Senator itu mungkin lain maksudnya. Mungkin ianya merupakan satu misnomer. Walau bagaimanapun, terpulanglah kepada seseorang itu menterjemah apa yang sebenarnya health centre atau pusat kesihatan yang disebut

tadi. Bahkan ada juga di tempat-tempat seperti di hotel menyebutkan atau menamakan tempat itu dengan nama health club, recreation club dan lain-lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, kuasa mengeluarkan lesen ini bukannya Kementerian Kesihatan, kalau tak salah saya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Yang Berhormat Datuk Seri Haji Hussein Noordin telah mencadangkan supaya menimbangkan iklan ubat-ubatan itu betul-betul dari semua aspek, sama ada herbal atau lain-lain. Tuan Yang di-Pertua, semua ubat-ubat yang diiklan (advertised) sama ada ubat herbal atau lain-lain mestinya diluluskan oleh Lembaga Iklan terlebih dahulu iaitu sama ada pengiklanan menerusi suratkhbar, television, radio dan sebagainya. Ini bertujuan supaya kita dapat menentukan bahawa iklan-iklan yang mengelirukan (misleading) tidak terkeluar. Sepertimana kita sedia maklum semua ubat akan menjadi racun jika sekiranya disalahgunakan dan adalah menjadi dasar Kementerian Kesihatan mencegah orang ramai daripada mendapat maklumat yang terkeliru ini.

Yang Berhormat Datuk Seri Haji Hussein Noordin juga telah bertanya tentang registration of pharmacies (pendaftaran kedai-kedai farmasi) meminta supaya bumiputra juga digalakkan dalam bidang ini. Sebenarnya kita memang menggalakkan mereka dalam perkara ini, siapa sahaja boleh membuka satu farmasi tetapi hanya mereka yang merupakan farmasi yang berdaftar (registered pharmacies) di bawah Undang-undang Farmasi, iaitu mereka yang mempunyai kelulusan yang diiktiraf, boleh membuka farmasi-farmasi ini.

Mengenai pelaksanaan Undang-undang ini, saya rasa Undang-undang Pengiklanan ini kita telah melaksanakannya semenjak 1hb Julai, 1977 dan mengikut angka yang ada pada saya di sini:

Julai hingga Disember, 1977	1,269	permohonan
Januari hingga Disember, 1978	766	„
Januari hingga September, 1979	451	„

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator V. V. Aboo telah bertanya tentang penjualan ubat-ubat yang qualitynya kurang baik yang dijual oleh farmasi-farmasi yang tidak bertanggungjawab, kata beliau. Semua farmasi yang mempunyai kelayakan yang berdaftar sahaja dengan Pharmacy Board boleh menjual ubat-ubat ini dan jika sekiranya ada kes-kes tertentu seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu, iaitu allegation of improper conduct oleh para profesional ini yang menjual ubat yang qualitynya tidak baik, sila laporkanlah kepada Kementerian ini supaya kita dapat mengambil tindakan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad telah bimbang tentang Kementerian ini diberi kuasa yang kadangkala tidak dapat melaksanakan kuasa ini dan meminta supaya Kementerian ini menyerbu ke kedai-kedai ubat, Tuan Yang di-Pertua, ini sentiasa dijalankan. Satu perkara yang saya telah sebut tadi kes di Chow Kit Road. Selain daripada itu banyak kedai-kedai yang tidak berlesen bagi menjual ubat-ubat racun yang berjadual telah diserbu oleh Yunit Penguatkuasa di Kementerian Kesihatan dan untuk makluman Yang Berhormat pada bulan Julai, 1978 sehingga Jun, 1979 (dalam masa setahun) kita telah menggelidih 200 buah kedai dan merampas 1,551 item ubat yang berharga lebih kurang \$162,000. Begitu juga pada bulan Julai sehingga September, 1979 (dalam masa 3 bulan) kita telah menggelidih 62 kedai dan mendapat 1,289 item ubat-ubat yang berharga lebih kurang \$96,529. Daripada angka-angka ini jelaslah bahawa penguatkuasaan ini adalah dijalankan oleh pihak Kementerian Kesihatan.

Saya tertarik hati dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat kelmarin dalam masalah salah seorang daripada kawannya, Encik Ali kalau tak salah saya telah menjalani satu rawatan mata (eye poaching) yang mengakibatkan dia buta. Saya pernah mendengar perkara ini dan kalau dapat kita mahu tahu siapa orang itu supaya tindakan yang sewajarnya akan dapat diambil. Ini merupakan satu perkara yang illegal bahkan saya pernah mendengar di Pulau Pinang dahulu di mana seorang pakar mata telah menyebutkan masalah ini. Perkara begini kalau ada kerjasama daripada

pihak orang ramai ianya akan dapat mencegah merebaknya perkara seperti ini yang merupakan perkara yang selalu merbahaya dan tidak sihat sama sekali.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Untuk penjelasan. Perkara ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, telah berlaku di Hospital Besar Kuala Trengganu. Encik Ali itu dirawat di Hospital Besar Kuala Trengganu dan segala keterangannya ada di situ, jadi tidak payah ambil kenyataan daripada orang luar, memang ada segalanya.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyiasat kes ini supaya kita dapat tahu siapa yang membuatnya.

Mengenai cadangan mengadakan makmal saya rasa saya sudah jawab tadi.

Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain telah meminta supaya kuasa yang diberi kepada Kementerian ini dijalankan dengan penuh teliti. Saya sukalah memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa inilah yang menjadi hasrat kita, kita tidak bertujuan hendak menganiayakan mereka yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja, terima kasih.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit berkenaan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap pusat kesihatan. Tadi beliau mengatakan perkataan "pusat kesihatan" ini mengelirukan. Memang ada pusat kesihatan (health centre) yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan sendiri, memang digelar pusat kesihatan tetapi kalau yang diadakan di hotel-hotel itu, rasa saya bukanlah pusat kesihatan, mungkin tempatnya Pusat Rekreasi (Recreation Centre). Tadi juga Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan ini bukan kuasanya tetapi kuasa Majlis Tempatan. Saya suka bertanya sama ada boleh beliau menasihatkan Majlis-majlis Tempatan supaya tidak membenarkan penggunaan pusat kesihatan seperti yang berlaku sekarang ini di hotel-hotel tetapi menggunakan nama lain seperti "Pusat Rekreasi" supaya tidak mengelirukan orang ramai.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat bahkan memang sudah menjadi niat saya kerana perkara ini ditimbulkan kelmarin supaya perkataan "pusat kesihatan" yang digunakan oleh pihak yang berkenaan tidak mengelirukan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG JUALAN MAKANAN DAN DADAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.21 ptg.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membentangkan satu Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Jualan makanan dan Dadah 1952 dibaca kali yang kedua.

Ordinan ini bertujuan untuk mengawal penjualan makanan dan ubat-ubatan dan meskipun kebanyakan perbekalan-perbekalan

di dalam undang-undang adalah berkaitan dengan makanan dan ubat-ubatan, Ordinan ini tidak digunakan dengan luasnya dalam kawalan ubat-ubatan setakat ini.

Pada masa sekarang di bawah seksyen 28 (1) (i), peraturan-peraturan hanya boleh dibuat bagi mencegah penjualan, iklan untuk jualan dan pengimportan sebarang makanan atau ubat-ubatan dan juga menubuhkan satu badan atau pihak berkuasa untuk tujuan ini.

Pindaan yang dicadangkan terhadap seksyen 28 (1) (i) adalah untuk membenarkan kawalan berkenaan dengan pengilangan, penjualan, iklan untuk jualan, pembekalan, pengimportan dan pengeksporan sebarang makanan atau ubat-ubatan dan menubuhkan satu badan atau pihak berkuasa bagi maksud ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Pada masa hadapan peraturan akan diadakan yang bertujuan untuk mengawal pengilangan, penjualan, iklan-iklan untuk jualan, pembekalan, pengimportan dan pengeksporan semua ubat-ubatan oleh satu sistem pendaftaran ubat-ubatan di bawah Pihakberkuasa Kawalan. Tugas-tugas pihak berkuasa ini adalah diselenggarakan oleh kakitangan dan kemudahan-kemudahan dari Makmal Kawalan Kimia Ubat Kebangsaan yang ditubuhkan baru-baru ini oleh Kementerian Kesihatan. Semua ubat-ubatan yang diimport atau dibuat di dalam negara mesti diperiksa (vetted) oleh Makmal Kawalan Kimia Ubat Kebangsaan untuk menentukan mustajab dan keselamatannya sebelum didaftarkan oleh Pihakberkuasa Kawalan. Hanya ubat-ubatan yang telah didaftarkan boleh diimport, eksport atau dijual.

Dengan itu Kementerian Kesihatan akan mempunyai satu cara yang berkuasa bagi mencegah penjualan ubat-ubatan yang tidak bermutu dan yang boleh memberi kesan-kesan yang buruk kepada kesihatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membentangkan Rang Undang-undang ini supaya diluluskan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Jualan Makanan dan Dadah, 1952 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.25 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Rang Undang-undang ini agak pendek tetapi dia mempunyai implikasi yang besar.

Pindaan yang diminta di bawah Fasal 2 ialah memperkemaskan seksyen 28 (1) (i) dan saya sangatlah bersetuju supaya kuasa diberi kepada Kerajaan untuk memperketatkan lagi Rang Undang-undang ini. Namun demikian inilah salah satu daripada kuasa-kuasa yang kita serahkan kepada Kerajaan untuk membuat peraturan-peraturan di bawah apa yang lazimnya dikenal sebagai *delegated legislation*.

Kita tidak berpeluang nanti kecuali menyoal semasa soal jawab peraturan-peraturan yang dibuat oleh Kerajaan kerana kita di sini hanya membincangkan Undang-undang Ibu sahaja ataupun Akta Ibunya tetapi undang-undang yang penting, yang sama kuasanya dan dibuat di bawah *delegated legislation* ini atau di bawah peraturan (*regulation*) ini memang banyak kaitannya dan di sinilah saya rasa patut saya kemukakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya apabila peraturan-peraturan sedemikian dibuat dan oleh kerana ini melibatkan orang-orang yang berkaitan seperti pembuat bahan-bahan itu, penjual dan sebagainya, saya rasa ada baiknya mereka yang terlibat di dalam bidang swasta dijemput bersama berunding, bertanya kepada mereka baik buruknya, boleh atau tidak dilaksanakan peraturan-peraturan yang akan dibuat itu kelak. Ini rasa saya penting, kalau tidak apa yang akan berlaku mungkin hanya satu peraturan yang dibuat oleh Kerajaan sahaja tanpa mengkaji sama ada peraturan itu adil atau sebaliknya. Inilah kelemahan yang kita terpaksa akui di dalam sistem perundangan kita kerana banyak sangat peraturan-peraturan yang kita buat melalui *delegated legislation*. Sebenarnya lebih banyak undang-undang yang dibuat di bawah kuasa *delegated legislation* daripada

yang dibuat oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara kerana kita di sini hanya membuat Akta Ibu sahaja tetapi peraturannya dibuat oleh Kementerian sendiri.

Saya sedar dalam masalah makanan kita memang tidak boleh memberi apa-apa kompromi demi kesihatan rakyat kita sendiri. Kita lihat banyak sangat makanan-makanan yang dibuat tanpa kawalan yang rapi. Barang-barang dalam tin, barang-barang dalam plastik dijual tanpa kawalan yang rapi. Saya maksudkan dengan barang-barang makanan yang telah dipertinkan atau dibotolkan atau dibungkus dalam plastik tetapi dibiarkan dijual beberapa lama tanpa menentukan yang barang-barang itu mungkin sudah tidak boleh dimakan lagi. Kita patut mengadakan peraturan yang mana barang-barang makanan yang kita tahu tidak boleh tahan lama mestilah ada tarikh diletakkan di tin itu ataupun di kantung plastiknya ataupun barang apalah kantung. Ini supaya menentukan barang-barang yang dijual itu barang-barang yang boleh lagi dimakan.

Sekarang ini kalau kita pergi ke kedai-kedai terutama sekali kedai-kedai di kampung, kita lihat botol yang mengandungi orange juice umpamanya, kita tidak tahu berapa lama telah dibuat sama ada boleh diminum atau tidak boleh diminum. Ini mungkin menjadi satu bahaya.

Begitu juga susu-susu, barang-barang makanan lain, kita tak tahu berapa lama barang-barang itu telah ditinkan dan telah diletakkan di atas meja-meja kedai-kedai itu. Ini rasa saya untuk menjaga kesihatan pengguna-pengguna ada baiknya satu peraturan dibuat supaya barang-barang yang telah lapuk itu pada pandangan Kementerian dan juga dengan kerjasama daripada pengeluarannya kita boleh mengetahui berapa lama barang-barang makanan itu boleh tahan. Kalau selepas daripada barang-barang itu tak boleh dijual dan sesiapa yang menjualnya mestilah dihukum.

Sambil kita membuat peraturan sedemikian kita juga mesti berwaspada supaya mereka yang menjual ini ataupun pengilang-pengilang ini tidak bertanggungjawab supaya mereka boleh menukarkan cabel itu atau menukar cap tarikh itu. Saya rasa perkara semacam ini bolehlah dirundingkan di

antara pihak Kementerian dan pihak pengu- luar barang-barang makanan dan sebagainya. Rasa saya seperti saya katakan tadi demi keselamatan pengguna barang-barang makanan kita tak boleh memberi apa-apa kompromi langsung, biarlah kita berkeras sedikit dalam perkara ini supaya kesihatan penduduk negara kita terjamin kerana kalau kita pandang dalam masa yang akan datang ini lebih banyak lagi barang-barang makanan tidak dijual seperti dahulu yang mana kita boleh dapat fresh vegetables dan sebagainya. Tetapi kebanyakan barang-barang ini akan terpaksa memandangkan bertambah penduduk di negara kita ini, terpaksa disediakan terlebih dahulu sama ada dimasukkan dalam peti ais, sama ada ditinkan, sama ada dibungkus dan sebagainya.

Itulah sebabnya rasa saya kedatangan pindaan kepada Rang Undang-undang ini sudah tepat pada masanya dan saya dengan sepenuh sukacita menyokong.

4.32 ptg.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan juga sokongan saya terhadap Bil yang baru sekejap dikemukakan.

Saya suka menarik perhatian pihak Kementerian terutama Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri tentang masalah yang perlu diawasi dalam melaksanakan undang-undang ini bila diluluskan nanti iaitu soal pengedaran makanan, membuat makanan, menjualnya, mengiklan dan sebagainya. Ini adalah menyentuh kedudukan rakyat Malaysia sendiri, terutama saya suka menarik perhatian khusus kepada kegunaan orang-orang Islam di Malaysia ini yang mana dalam perhatian saya banyak makanan yang diedarkan dalam pasaran di Malaysia sekarang ini tak dapat penggunaanya hendak menentukan di antara satu jenis barang sama ada makanan ataupun minuman ataupun apa sahaja yang digunakan oleh orang Islam tentang sama ada barang itu bercampur dengan barang-barang yang tidak diharuskan kepada orang Islam ataupun dicampurkan. Jadi dengan sebab itu, saya suka menyarankan supaya dalam penguatkuasaan ini perlulah pihak Kementerian mensyaratkan kepada tiap-tiap pembuat ataupun pengilang ataupun pengimport barang-barang itu dari luar negeri supaya menentukan bukan sahaja

tarikh ataupun had masa kegunaannya ataupun yang boleh digunakan bagi barang itu tetapi juga jenis-jenis campuran, ramuan dan sebagainya secara detail dan hendaklah dicatitkan secara detail itu dalam Bahasa Kebangsaan kita supaya dapat diketahui betul-betul oleh pengguna-pengguna kita, terutama pengguna-pengguna Muslim di Malaysia ini.

Sebagai satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, suratkhbar dalam seminggu ini ada menyiarkan suatu kejadian peristiwa biskut ayam. Umpamanya baru-baru ini didapati campuran daging babi dan telah diketahui umum, pegawai berkenaan mengikut berita akhbar itu telah meminta maaf di atas kejadian itu. Jadi soal kejadian seperti ini perlulah menjadi perhatian pihak yang berkenaan terutama Kerajaan sendiri dalam mengawal dan mengawasi supaya kekeliruan yang mungkin mendatangkan keadaan yang tidak menenangkan kepada pengguna, terutama umat Islam sendiri.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian dalam masalah iklan. Iklan ini kalau semasa penjahah dahulu sepanjang ingatan saya minuman keras seperti "Guinness Stout" tidak pernah disiarkan dalam akhbar berbahasa Melayu. Tetapi saya perhatikan tiga, empat hari lepas ini *Berita Harian*—maaf kalau ada pihak suratkhbar yang berkenaan di sini—menyiarkan iklan "Guinness Stout Baik untuk Anda" dalam Bahasa Malaysia. Bagi saya kalau diiklankan dalam bahasa Malaysia sudah tentulah ditujukan kepada orang Melayu, kalau hendak ditujukan kepada saudara kita orang Cina cukup dalam akhbar Cina sahaja; kalau hendak ditujukan kepada orang lain daripada orang Melayu cukup diiklankan dalam *Straits Times* sahaja. Jadi apakah perlunya diiklankan dalam akhbar berbahasa Melayu, sama ada tulisan jawi atau tulisan rumi itu soal kedua, tetapi akhbar itu akan tersibar di luar bandar dan sebagainya. Jadi secara langsung mengiklankan bahawa minuman itu baik sedangkan minuman itu tidak ada tolak ansur dalam agama tentang haramnya. Masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, sudah menyentuh kehormatan agama Islam itu sendiri.

Saya rasa eloklah pihak Kerajaan mengawasi masalah ini supaya jangan perkara-perkara yang dilarang bagi orang Islam sengaja diusahakan supaya orang Islam melanggar hukum-hukum ugamanya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya dalam masalah pengiklanan ini menyeru supaya mendapat perhatian pihak yang berkenaan.

4.39 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan atas Rang Undang-undang yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan dan sebelum daripada ini, sebelum daripada saya berucap telah ada diberikan huraian oleh rakan sejawat saya.

Rasa saya itulah juga kurang lebih tajuk yang saya hendak kemukakan berhubung dengan perbincangan atas Rang Undang-undang ini. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya gemar memberikan beberapa pandangan sebab kuasa ini telah diberi oleh Rang Undang-undang ini kepada Yang Berhormat Menteri membuat peraturan-peraturan bagi mengawal, mencegah barang-barang pengilangan, pembungkusan dan pengeksportan. Masalah ini kalau pada masa yang lalu telah dirasai oleh pengguna-pengguna dalam tanahair kita ini kurang menyenangkan sama ada pada segi kesihatan termasuklah juga pada segi sosial hidupnya. Jadi saya harapkan kuasa peruntukan yang diberikan oleh Rang Undang-undang ini kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat memikirkan sedikit-sebanyak pandangan-pandangan yang saya berikan atas pengetahuan saya yang cetek ini mudah-mudahan peraturan-peraturan itu bilamana dilaksanakan kelak akan memberi guna kepada pengguna khususnya kepada negara ini amnya.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan dalam peraturan-peraturan yang memberikan kepada Kementerian Kesihatan ini tidak akan berjaya, tidak akan sempurna, tidak akan berkesan kalau tidak dapat kerjasama daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sebab melalui Kementerian inilah juga pengilangan bahan-bahan makanan, pembungkusan dan pengeksportan barang-barang dari luar negeri dan selama ini juga kuasa yang ada pada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini yang menjadikan sungutan banyak kepada rakyat dan mereka sedar bahawa ini bukan kesalahan daripada Kementerian Kesihatan. Apa yang

saya pandang dalam membuat barang-barang makanan dalam negeri ini, peraturan ini hendaklah mengambilkan satu panduan asas hidup rakyat Malaysia yang seramai 12 million ini dan hampir 60% rakyat negeri ini beragama Islam, 40% tidak beragama Islam. Bila disebut Islam makanannya adalah terhad, bukan semua makanan-makanan yang disajikan atau yang diperkilangkan, yang diperbungkuskan itu boleh dimakan oleh umat-umat Islam.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dalam pengilangan ini juga, membuat barang-barang makanan, peraturan ini hendaklah juga diperhatikan bahawa penduduk di dunia ini hampir 1,000 million beragama Islam dan 2/3 yang bukan beragama Islam, jadi bersesuaian sangat dengan negara yang banyak bahan-bahan mentah yang boleh membuat barang-barang makanan daripada kilang-kilang yang boleh dibungkus kiranya dapat dikeluarkan barang-barang ini yang bercorak halal maka bukan sahaja memberi munafaat kepada pengguna orang Islam khususnya di tanahair kita ini tetapi akan memberi munafaat kepada pengguna-pengguna Islam di seluruh dunia ini. Dan dengan itu secara tidak langsung faedah dan munafaat ini akan diterima oleh rakyat jelata peladang-peladang kita yang mengusahakan pertanian, nelayannya, minyaknya dan lain-lain. Sebab setengah-setengah negara Islam itu menumpukan bahan-bahan yang dalam tin, dalam botol, bungkus. Kalau datang daripada negeri Islam dengan mudah mereka itu membeli dan mengedar kepada pengguna dalam negeri itu, kadangkala barang-barang ini kurang mencukupi, barang-barang yang diedarkan dalam negara Islam, dalam negeri kita khususnya.

Ketiga, saya harapkan peraturan ini juga memperhatikan bahan-bahan makanan yang dikeluarkan dari kilang-kilang di tanahair kita ini yang kita akan eksportkan dalam negeri yang dapat menjamin bahawa barang makanan itu bersih dan tidak mempunyai racun sebab banyak barang-barang yang dalam tin kita ini dieksportkan keluar negeri, negeri-negeri itu enggan menerima, mereka ragu bahawa barang-barang dalam Malaysia ini ada mempunyai racun atau kurang bersih. Saya contohkan seperti nenas dalam tin, nenas dalam tin orang-orang di Amerika dan Kanada ragu-ragu, mereka mengatakan bahawa nenas ini kurang bersih.

Selain daripada itu juga ikan dan udang dalam tin daripada Malaysia ini mereka ragu untuk membelinya dan mengedarkan kepada pengguna dalam negeri tersebut. Jadi masalah ini saya mengharapkan peraturan ini Kementerian Kesihatan akan dapat menasihatkan, akan dapat memberikan jaminan bahawa barang-barang makan pengeluaran Malaysia ini adalah bersih daripada kekotoran dan bersih daripada yang bercorak racun.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat dtempohkan selama 15 minit.

Persidangan dtempohkan pada pukul 4.50 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.07 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

5.07 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya tadi bahawa ini juga patut diadakan peruntukan dalam peraturan yang akan diberi oleh Rang Undang-undang yang kita bincangkan ini supaya dapat dipastikan dengan sahlah bahawa barang-barang makanan yang dibuat daripada Malaysia ini terjamin kebersihan dan terjamin keraguan yang kita fikirkan beracun.

Selain daripada itu dalam masalah pemakanan ini saya mengharapkan dalam peraturan ini juga supaya memerhatikan tukang-tukang masak yang digunakan daripada sekecil-kecil restoran hingga serendah-rendahnya supaya mempunyai kebersihan pada dirinya, pada tempat-tempat makanan yang dia menyajikan orang ramai di kedai-kedainya, di restorannya atau di gerai-gerainya. Dengan memerhatikan ini bulan sahaja dapat menaikkan taraf restoran di Malaysia ini mempunyai taraf kebersihan yang tinggi tetapi dapat dijaga kesihatan pelanggan-pelanggan yang makan dan minum di situ.

Perkara ini patut diberi perhatian khas, kita sekarang banyak mengadakan gerai-gerai di bandar-bandar di seluruh tanahair kita ini dengan mengadakan jualan makanan

yang terdedah. Ini adalah satu perkara yang patut diperhatikan oleh Kementerian Kesihatan ini dan satu peraturan yang tertentu kepada tukang masak ini ataupun juga tuannya kedai itu kerana telah ghalib setengah-setengah masyarakat di Malaysia ini lebih gemar makan di tempat-tempat yang terdedah bukan sahaja harganya murah, tetapi barang-barangnya panas dan rasanya enak.

Jadi keadaan ini kalau disertai dengan penuh kebersihan, penuh tanggungjawab kesihatan kepada barang-barang yang disajikan itu akan dapat menyihatkan orang yang makan di situ dan juga akan dapat tuannya kedai ini meneruskan perusahaannya dengan berlanjutan.

Berbalik saya dalam masalah restoran yang besar-besar yang duduk di angkasa-angkasa itu, yang pernah menjadi sungutan rakyat khususnya orang Islam bahawa tukang masak di situ ataupun tuannya restoran itu kurang memahami hajat seseorang pelanggan khususnya orang Islam, kadang-kadang mereka campur barang-barang makanan yang bukan halal di sisi Islam. Kepada mereka tidak salah sebab mereka tidak tahu. Mereka sudah tahu bahawa ini adalah daging. Taraf daging adalah sama. Daging lembu, daging ayam, daging kambing sama. Tetapi kepada Kementerian, peraturan ini hendaklah ditentukan sekiranya restoran itu dipenuhi banyak peminat orang-orang Islam dibuatkan satu peraturan yang boleh menjamin bahawa barang-barang sajiannya itu terus halal dan boleh dimakan oleh orang Islam. Saya tidak hendak menyentuh masalah ini lebih jauh, sebab makan ini ada kala orang kata: saya tidak kira makan, apabila saya tengok barang itu boleh makan, saya makan. Tetapi sebagai negara Islam, sebagai negara yang memegang prinsip hendak membersihkan barang makanan yang bercampur barang-barang yang tidak halal maka peraturan ini patut diperhatikan. Kalau di restoran itu juga berkehendakan supaya disajikan daging-daging yang orang Islam tidak boleh makan, tempat masaknya itu hendaklah diasingkan. Kepada mereka tidak sama. Jadi diasingkan tempat masaknya itu, dan adakan peraturannya supaya diasingkan tempat masaknya. Bila orang Islam minta, digunakan tempat masak bagi orang Islam.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya memberikan satu pandangan berhubung dengan dadah yang ada kaitan dalam Rang Undang-undang pindaan ini. Dadah satu ketika boleh digunakan untuk membasmikan penyakit. Dan satu ketika barang yang berbentuk dadah ini boleh menyelerakan barang makanan yang dicampurkan sedikit kepada barang-barang ini. Macam makanan nasi dicampur dengan ganja. Sebab daripada wap ganja itu menjadikan kelazatan kepada masakan-masakan itu. Bila sudah lazat maka ramailah pelanggan-pelanggan datang ke situ sebab mereka ketagih dengan sajian barang makanan itu. Masyhur! Kalau di Penang, pergilah ke kedai si-Anu, tempat ini baik. Jadi keadaan ini juga saya kurang arif dalam masalah ini, adakah dadah yang dicampurkan ganja ini sedikit kepada barang-barang makanan ini diluluskan oleh peraturan ini, dibolehkan. Sebab setengah-setengah negara masalah ganja ini dia tidak dijadikan larangan ataupun tegahan. Jadi bagi pihak tuanpunya kedai itu mengambil kesimpulan ini bahawa mencampur sedikit ganja kepada barang-barang makanan itu menurut pendapat mereka tidak salah dan ini mendatangkan keuntungan kepada perusahaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memberikan sokongan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik.

5.15 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan memberi sedikit teguran, iaitu di Seksyen (2):

“2. Seksyen 28 Ordinan Jualan Makanan dan Dadah 1952 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “sale, advertisement for sale or importation” dalam perenggan (i) seksyen-kecil (1) dengan perkataan-perkataan “manufacture, sale, advertisement for sale, supply, importation or exportation”.

Ini bukan technical words, yang tidak boleh dipakai, yang tidak ada di dalam bahasa Melayu. Kalau dikatakan tidak ada, sebenarnya ada di dalam bahasa Melayu yang dipakai hari-hari. Tetapi apa sebabnya digunakan perkataan ini di dalam bahasa

Inggeris juga? Kalau misalnya satu perkataan yang tidak dapat atau tidak boleh diterjemahkan, oleh kerana itu adalah dikatakan tersangat tinggi, tidak ada perkataan bahasa Melayunya, kalau tidak begitu apabila perkataan itu dibawa ke Court nanti tidak ada kesesuaiannya. Itu bolehlah, Tuan Yang di-Pertua. Ini perkataan dalam perenggan (i) Seksyen-kecil (1) “manufacture, sale, advertisement” ini semuanya adalah perkataan harian. Ini cuma teguran saya di atas perkara ini untuk diambil ingatan oleh pihak yang bertanggungjawab.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini oleh kerana original Bill adalah dalam bahasa Inggeris.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Itu sebabnya kalau boleh digantikan dengan perkataan dalam bahasa Melayu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya sokong Rang Undang-undang ini dan saya yakin dan percaya kebanyakan penyakit datang daripada makanan, daripada minuman dan daripada angin. Inilah tiga perkara yang selalu datang penyakit. Dengan sebab itu tentang makanan di sini dikatakan “sale”, “advertisement”, “supply”, “importation” dan “exportation”. Apa yang dikatakan tentang makanan terutama sekali oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin itu adalah benar tetapi saya sudah lama memperkatakan tentang perkara ini. Ini adalah salah, iaitu Kementerian Kesihatan mestilah ada liaison dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Sekarang ini tidak ada. Kalau buat undang-undang ini tanpa adanya kerjasama di antara Kementerian Kesihatan dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, perkara ini tidak boleh buat. Letakkan haribulan ini misalnya 8hb Januari, 1980, makanan ini tidak boleh dipakai tahun yang akan datang iaitu 8hb Januari, 1981. Oleh itu mestilah ada perundingan di antara Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan Kementerian Kesihatan. Tetapi tidak ada apa yang dibuatnya mengenai perkara ini.

Letakkan haribulan, misalnya 8-1-1980, makanan ini tidak boleh digunakan lagi pada tahun yang akan datang iaitu 8-1-1981. Ini mestilah ada perundingan di antara Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

dengan Kementerian Kesihatan tetapi perkara ini tidak ada apa yang dibuat. Saya minta diadakan perundingan. Di kilang-kilang sepertimana salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat mengatakan iaitu di Amerika orang-orang tidak suka makan nenas kita dalam tin, oleh kerana mereka takut nanti terkena racun makanan (food poison). Kalau kita bandingkan tin-tin nenas kita dengan tin nenas yang datang daripada Hawaii; ini kita bukan hendak mengatakan tin-tin nenas daripada Hawaii tidak baik, tetapi tin-tin nenas kita lebih baik daripada tin-tin nenasnya, itulah yang ditakuti oleh orang-orang di Amerika. Dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian serta Kementerian-kementerian yang bertanggungjawab hendaklah mengadakan satu pakatan (liaison) supaya perkara ini boleh diperiksa.

Kemudian daripada itu jagaan juga hendaklah diadakan terhadap kilang-kilang yang mengeluarkan makanan di dalam negeri ini, sebab pekerja-pekerja di kilang-kilang ini menggunakan tangan, maka hendaklah diasas, adakah mereka ini memakai sarung tangan, adakah mereka itu bersih betul-betul, adakah mereka itu diperiksa pada tiap-tiap bulan ataupun dua tiga bulan sekali diperiksa oleh doktor yang dihantar oleh Kementerian Kesihatan pergi ke sana atau diadakan klinik-klinik bergerak pergi ke factory itu memeriksa pekerja-pekerja di sana. Oleh sebab kalau seorang kena typhoid, seluruh pekerja dalam factory itu akan kena typhoid. Bukan itu sahaja, barang makanan yang dimasukkan dalam tin itu boleh jadi mengandungi kuman typhoid dan orang-orang luar negeri yang makan barang itu boleh jadi kena juga. Ini telah terjadi di negeri Jepun, bagaimana orang-orang di negeri Jepun heboh kena typhoid oleh kerana udang daripada Indonesia. Apabila mereka tidak mahu makan udang, maka udang-udang kita daripada Malaysia juga tidak mahu dibeli, oleh kerana ada mengandungi typhoid katanya. Oleh sebab itu Kementerian yang bertanggungjawab hendaklah memerhatikan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai gerai jualan makanan sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad sebentar tadi. Saya tahu mereka itu adalah terdiri dari orang-orang miskin, kita tidak hendak menyekat rezeki orang-orang miskin tetapi dalam sebuah

negara yang membangun, kita juga berkehendakkan rakyat kita sihat sejahtera. Kita berkehendakkan tenaga rakyat kita untuk bekerja dan sebagainya, jangan nanti hospital dipenuhi oleh pesakit; ini dikatakan prevention is better than cure, kata bahasa Inggerisnya. Jadi, biarlah kita adakan prevention dahulu. Kita tengok sahaja orang-orang yang jual barang makanan. Tiada siapa pun yang ambil peduli. Cuba pihak Pejabat Kesihatan beri lecture kepada mereka itu, katakan perlunya menjaga kebersihan makanan. Ini yang mustahak.

Dengan kebersihan ini juga, Tuan Yang di-Pertua, baharulah kesihatan mereka dapat dijaga dan orang-orang yang memakannya juga terpelihara, sepertimana yang diamali di negeri-negeri barat. Saya bukanlah hendak menyekat orang-orang kita berniaga dengan mengatakan itu dan ini, nanti rezekinya tertutup, tidak sekali-kali tetapi Kerajaan juga bertanggungjawab. Orang-orang ini orang-orang miskin dan Kerajaan hendaklah membasmi kemiskinan. Cuba kita tengok gerai-gerai di belakang Hilton Hotel, saya ada makan di sana; makanannya sedap tetapi di gerai ini lebih sedap lagi. Jadi, kita berkehendakkan kebersihan, sebab kita tengok banyak pelancung-pelancung yang datang ke negeri kita, bukan sahaja kita hendak adakan undang-undang ini tetapi pelancung-pelancung itu datang di sini mereka juga hendak makan. Saya harap Kementerian yang bertanggungjawab hendaklah menengokkan keadaan ini. Mereka itu tidak mampu hendak membuat gerai yang elok-elok. Cuba kita tengok di Singapura; apabila saya bercakap fasal Singapura, nanti orang kata saya berpakat dengan Lee Kuan Yew. Kita boleh tengok bagaimana Singapura telah membuat gerai-gerai untuk orang-orang miskin berniaga. Cubalah tengok, bersih, elok dan kemas. Cuba tengok Walikota kita di Kuala Lumpur, ada Pegawai Kesihatannya. Cuba kita tengok dekat Bank of Tokyo, keadaannya kotor dan baunya busuk. Cuba tengok pula bagaimana gerai-gerainya. Jadi, kalau ada terjadi satu wabak penyakit besok, barangkali Kementerian Yang Berhormat nanti bertanggungjawab di atas perkara ini. Dengan sebab itu, hari ini terpaksa Kementerian yang bertanggungjawab berjajaga bukan sahaja kebersihannya tetapi juga membuatkan gerai-gerai yang baik dan

tempat itu mestilah dielakkan supaya tidak ada air bertakung. Ini airnya busuk tambahan pula tempat orang lalu-lalang di situ, Kementerian Wilayah Persekutuan tidak ambil peduli langsung. Di Wilayah bukan tidak ada Pegawai-pegawai Kesihatan—ada banyak dan menerima gaji yang tinggi, apa yang dibuatnya. Kita buatlah undang-undang dan Menteri menjawablah berjam-jam, sehari-hari membuang masa, tetapi implementation undang-undang itu tidak ada. Ber-niaga di situ tidak boleh, itu tidak boleh, ini tidak boleh, tetapi jalan-jalan di pekan Kuala Lumpur kotor, tempat jualan kotor dan sebagainya, habis begitu sahaja, jadi tidak ada guna membuat undang-undang ini. Itulah sebabnya implementation itu adalah penting sangat saya fikir. Ini adalah tanggungjawab Kementerian-kementerian, bukan sahaja Kementerian Kesihatan tetapi adalah juga Kementerian-kementerian lain dapat bekerjasama di atas perkara-perkara yang serupa ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara undang-undang ini kalau hendak menjadikan satu Undang-undang yang efektif sekali, saya beri satu contohnya. Kita hendak tiru-tiru sahaja tak boleh jadi. Apa telah jadi kerana tiru-tiru? Dahulu kita di sini telah bercakap panjang lebar, ini lain sedikit tetapi ada kena-mengena, kita kata tak usah dahulu, jangan buat Undang-undang dahulu, nanti dahululah, hendak tiru Singapura supaya kereta-kereta tidak boleh masuk pukul 10.00 pagi dalam bandar. Kita mengatakan di sini jangan, tak usah dahulu. Dewan Rakyat meluluskan tetapi kita kata nanti dahululah, sabar sedikit, boleh kita ikut Singapura tetapi kaji dahulu betul-betul, jangan kita luluskan, tiba lulus—lulus sahaja, tetapi tidak boleh berjalan, sebab kita di sini orang tua-tua sedikit, macam Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin sudah ada janggut, sudah tualah sedikit, orang-orang yang ada kesabaran, urut-urut dada sahaja, bersabar, ada imanlah tetapi berjalan mesti berjalan, kemudian sudah berjalan, apa jadi? Melion ringgit habis. Tengok terbengkalai di pekan Kuala Lumpur, nampak besi sana-sini, satu melion ringgit habis, tidak berjalan apa-apa, tidak boleh buat apa-apa.

Inilah yang saya katakan tadi kita di sini sokong sahajalah tetapi boleh buat atau tak boleh. Kalau hendak buat, buat betul-betul; kalau hendak tegas, tegas betul-betul, jangan

satu orang ditegaskan, yang lain tak tegas; kalau hendak tegas, tegas keseluruhan, itu sahaja. Tetapi tegas di situ, tidak tegas di sini, jadi macam pakai kain, sini singkat, di sana laboh, buat apa? Ini yang saya hendak menekankan. Kalau hendak buat biarlah dengan setegas-tegasnya, kalau hendak implement—implementkan, jadi effect di tengah-tengah itu adalah penting di dalam sebuah negara yang hendak membangun.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dalam perkara apa yang dikatakan oleh beberapa Yang Berhormat tadi saya pun ingat begitu. Di dalam Perlembagaan kita mengatakan Malaysia ini negeri Islam, ugama rasmi adalah ugama Islam, ini dia, kalau tidak begitu, saya tak bercakap.

Kita juga tahu, kita tidak melarang siapa hendak sembahyang, siapa tak makan itu, kita tak larang tetapi kepada orang Islam jikalau dikatakan babi itu haram—haram, kalau kata arak itu haram—haram, kalau kata judi itu haram—haram, tak ada dikatakan ini tak ada fasal, judi haram, babi haram. Kalau dikatakan babi ini dijual sahaja, mestilah ada begitu-begini, kalau arak di kedai-kedai kopi bagaimana? Sama sahaja haramnya, bahkan lebih haram satu tingkat daripada babi oleh kerana arak ini mabuk, bila mabuk, fikiran kita tak tentu arah, isteri orang, kita ingat isteri kita, bermacam-macam. Ini satu tingkat lebih haram lagi. Itu sebabnya saya kata kalau dikatakan ugama Islam adalah ugama rasmi, terpaksa kalau dikatakan haram, haram semua, yang lain itu makanlah, minumlah, ini tak apa hal. Orang lain yang bukan Islam—minum dan makan apa yang mereka suka. Kalau misalnya daging daripada Australia, sebab daging dikatakan makanan, bukan dadah sahaja merbahaya tetapi kepada orang Islam daging yang dipotong oleh orang lain itu merbahaya juga kepada orang Islam.

Saya tengok di England, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana mereka ini memotong lembu. Mula-mula di tempatnya ditembak, kemudian dipotong lehernya supaya keluar darah, sebab mereka telah mempelajari di England banyak orang-orang Yahudi duduk di England. Orang Yahudi inipun tidak boleh makan segala yang mati habis darahnya, mereka mesti potong keluar darahnya habis-habis macam orang Islam juga, itu sebabnya orang Yahudi memotong, orang

Islam boleh makan. Apa sebabnya? Oleh kerana kita tidak mahu darah itu beku dalam daging. Cuba kita tengok orang lain memotong ayam, cuba pergi makan di kedai Cina misalnya, saya pun ada makan, bukan tak makan, dipotong begitu, dimasak, tengok darah di dalam daging itu, di dalam tulang itu darahnya tak hilang tetapi kalau dipotong oleh orang-orang Islam darah itu habis hilang, sebab bila kita potong perlahan memancut darah itu, nanti semua darah keluar, jadi daging itu bersih. Sebab ini orang yang siasat, kerana darah ini kalau dimakan oleh manusia tidak merbahaya kepada manusia oleh kerana dia tidak boleh memutar, tidak dapat diputar oleh perut kita. Saya bukan doktor, nanti Yang Berhormat Doktor (Timbalan Menteri) boleh jawab di atas perkara ini. Itu sebabnya juga makanan yang datang daripada Australia ini juga untuk orang-orang Islam mestilah ditanggung halal betul-betul, bukan sahaja dadah tetapi makanan-makanan serupa ini mestilah diperhatikan selain daripada yang dalam tin ini. Saya minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di atas perkara ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah berkata tetapi tidak dapat jawapan, iaitu berkenaan dengan jualan makanan dan juga lain-lain supply quotation berkenaan barang-barang dadah dan makanan dan sebagainya. Di sini juga saya hendak minta oleh kerana makanan-makanan yang datang daripada luar negeri, terutama sekali daripada Red China. Ini ada orang mengatakan betul atau tidak betul tidak tahulah saya, jeruk-jeruk yang diwarnakan, ada yang berwarna biru, ada merah, ada kuning jeruk-jeruk ini dikatakan tidak boleh oleh kerana ini ada mengandungi sejenis ubat. Jadi untuk kesihatan badan itu tidak betul. Ini dikatakan punca cancer. Dengan sebab itu terpaksa Kementerian juga menerusi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menyasiat di atas perkara ini oleh kerana kita bukan bertujuan hendak menyekat orang-orang lain memakannya—saya pun suka memakan jeruk daripada negeri China—tetapi makan itu menyihatkan badan ataupun menyakitkan badan kepada rakyat kita keseluruhannya. Ini mestilah diperiksa oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita membahaskan Rang Undang-undang Makanan dan Dadah, saya ingat bolehlah dimasukkan dadah ini. Apa sebabnya dadah ini, selain daripada dadah yang dikatakan dalam ubat ada dadah—itu lain, tetapi apa sebabnya di negeri-negeri komunis, negeri Russia, negeri China Komunis tidak ada seorang pun yang menghisap dadah. Di Russia dan di negeri-negeri komunis tidak ada orang yang menghisap dadah. Inipun mesti disiasat dan jikalau ada dadah ini ada pepatah Melayu mengatakan: kalau sakit ada ubatnya. Jadi tentulah sekali kalau penyakit dadah ini tentu Kementerian Kesihatan mencari jalan supaya ada ubat untuk orang menghisap dadah ini supaya lekas baik bukan sahaja dihantar ke satu-satu tempat itu berbulan-bulan duduk di sana tetapi bila balik, dia menghisap lagi. Jadi ada atau tidak anti dadah ini apa ubatnya yang boleh mengubati orang yang berpenyakit dadah ini oleh Kementerian Kesihatan dan Perubatan Kesihatan ini. Itulah sahaja dan saya mengucapkan terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah.

5.43 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dengan memberi kata terima kasih di atas pindaan Rang Undang-undang yang penting ini.

Apa yang patut saya bahaskan di sini tidak lain rasa saya dengan saudara-saudara saya Yang Berhormat yang sudah bercakap lebih dahulu dari saya, tetapi walau bagaimanapun sebagai kita rasa tanggungjawab dalam memberi sokongan Rang Undang-undang ini, maka ingin saya menyatakan patutlah pihak Kerajaan dengan melalui Kementerian berkenaan ini selain daripada barang-barang yang sudah lama disimpan dan dijual yang akan membawa penyakit kepada pengguna-pengguna itu, sebagaimana yang dikatakan oleh saudara saya Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin tadi, maka paling penting sekali ialah kepada kita lebih-lebih lagi kepada Kementerian yang berkenaan untuk mengambil perhatian dalam makanan-makanan yang ada dalam tin ini sebab pernah saya sendiri membeli makanan-makanan dalam tin ini bila kita membukanya didapati sudah berkarat.

Kadangkala benda-benda ini terpaksa kita buang dengan diistilahkan membazir sahaja barang yang kita beli begitu mahal. Walaupun senang dijawab, kalau sudah berkarat dan rosak dibuang sahaja, tetapi kenapa perkara ini boleh berlaku kepada penjual-penjual yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebut pepatah Arab mengatakan: *al'aqlu-salim fil-jismis salim*. Ertinya, akal yang sihat terletak pada tubuh badan yang sihat. Jadi kita juga berterima kasih kepada Kementerian Kesihatan yang sentiasa memberi penerangan, iklan, teguran kepada penjual-penjual makanan ini jangan menjual barang yang terbuka kerana penyakit, tetapi yang terbuka boleh dipelihara, boleh dijaga seperti barang-barang di dalam tin yang tertutup ini rasa saya tidak dapat kita rapikan. Dalam masalah ini patutlah Kementerian yang berkenaan dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini mengambil perhatian yang berat.

Selain daripada itu, yang paling penting sekali kepada pengguna-pengguna kita khususnya pengguna Islam patut kita mengambil perhatian soal barang-barang makanan yang selalu diiklankan dengan memperkatakan "Ditanggung Halal" sedangkan barang-barang itu tidak halal. Kita selalu mendapati jaminan "halal" dan "Ditanggung Halal" tetapi bila kita membuat penyelidikan, terutama bagi orang-orang Islam di negara ini yang hendak memakan makanan di jamuan-jamuan (dinner) dan jamuan-jamuan rasmi kita bertanya, dijawab "Ditanggung Halal". Tetapi dalam masalah "Ditanggung Halal" ini saya mengharapkan supaya dapatlah pihak yang berkenaan membuat penyelidikan yang sedalam-dalamnya, biarlah halal itu halal betul-betul bagi pengguna pihak orang-orang Islam supaya perkara yang seperti ini tidaklah pengguna sahaja yang akan terlibat bertanggungjawab sedangkan, Tuan Yang di-Pertua, terlibat sama kepada pihak yang bertanggungjawab. Alangkah baiknya diawasi jika barang-barang itu berlawanan dengan hukum Islam. Apa salahnya berterus terang sahaja kepada saudara-saudara kita yang ramai ada di negara kita ini yang bukan Islam, kita berterus terang sahaja dengan membuat iklan bahawa di dalam jenis makanan ini ada campuran yang tidak halal supaya dapat saudara-saudara kita, pengguna-pengguna yang beragama Islam dapat

kita membuat perbezaan yang tidak boleh makan kita tidak makan, janganlah ditanggung halal tetapi benda itu sebaliknya.

Saya juga sama berpendapat dengan saudara-saudara saya yang terdahulu tadi iaitu patut sekali pihak Kementerian ini di mana dapat kerjasama dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian masa untuk mengeluarkan lesen-lesen kepada pengilang-pengilang itu kerana ini adalah penting sebab seperti beberapa bulan yang sudah menjadi ribut di negara kita soal pengeluaran minyak di dalam tin sahaja sehingga kita pengguna-pengguna ini menjadi terkeliru bagaimana cara yang hendak kita gunakan. Jadi dalam masalah ini termasuk barang makanan dalam iklan ini patutlah diselidiki dengan mendalam. Dalam masalah ini juga saya hendak bincang iaitu seperti memasukkan dadah dalam makanan. Saya rasa saudara saya mengatakan tadi iaitu dalam makanan-makanan ini ada juga dimasukkan ganja walaupun tidak disebut dadah. Memanglah di Pulau Pinang jelas seperti nasi kandar yang dijual di Pulau Pinang apakah sebab orang menjadi ketagih kepada pengguna-pengguna kita sehingga sehari tidak makan mereka tidak boleh duduk. Padahal bukan sedap nasi kandar itu kalau dibandingkan dengan nasi yang dijual daripada penjual-penjual di Selangor ini, tetapi oleh kerana kita dapat tahu mereka memasukkan benda yang boleh menjadi ketagih kepada pengguna-pengguna ini kadangkala kerana benda itu ditaruh lebih sehingga pengguna mengidap penyakit di dalam perut. Ini juga patutlah diberi amaran sedikit supaya janganlah benda ini kepada orang-orang di Pulau Pinang bolehlah cuba dengan sendirinya membuat penyelidikan, tetapi yang kita rasa curiga kalau orang yang datang daripada luar.

Tadi saya juga tidak mahu menyentuh perkara ini kerana saya rasa barangkali berlainan dengan Rang Undang-undang ini, tetapi saya minta izin kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada Kementerian berkenaan walaupun benda ini dianggap keluar daripada perkara dalam Rang Undang-undang ini, tetapi kerana saya memandangkan penting iaitu ada satu masalah baru-baru ini apabila saya sebutkan "ditanggung halal" ialah kita tahu penjual-penjual daging di pasar di mana kita tahu adalah datang daging itu daripada pusat penyembelihan

Majuternak, tetapi saya dapat tahu beberapa minggu ini ada bekalan daging di pasar besar kita, sedangkan Majuternak tidak menyembelih lembu dan kerbau hampir seminggu lebih, tetapi ada dijual di pasar daging Majuternak itu. Jelaslah kalau ada dijual daging itu datangnya dari Australia. Pada masa itu saya bertemu dengan pengguna untuk membeli daging dan bertanya kepada penjual: "Halalkah ini?" Jawabnya: "Halal, jangan susah hati." Jadi, perkara ini juga saya minta Kementerian berkenaan menentukan bagaimanakah hukum penyembelihan itu kalau daging datang dari Australia.

Saya yakin tentulah Menteri akan menjawab, sudah diperiksa, halal, semua beres dan sebagainya. Tetapi dalam hal ini janganlah kita menanggung beban yang berat. Kalau kita membuat penyelidikan, selidiklah benar-benar jangan sampai pengguna bertanggungjawab dan sampai pihak yang berkenaan lebih berat lagi tanggungjawabnya.

Sekianlah sahaja saya memberikan beberapa teguran di dalam Undang-undang Jualan Makanan dan Dadah (Pindaan). Akhirnya, saya berterima kasih dan menyokong penuh Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad.

5.52 ptg.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Saya bangun, Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk mengambil bahagian dan menyokong Rang Undang-undang yang ringkas ini. Undang-undang ini sebenarnya di antara undang-undang yang dibawa di Majlis ini, inilah yang paling ringkas di dalam bentuk sehelai sahaja.

Kepada saya tidaklah saya tahu undang-undang asal iaitu Undang-undang Penjualan Makanan dan Dadah (1952) kerana dicatitkan di sini cuma satu fasal sahaja yang hendak diubah, yang lain tidak ada. Jadi oleh kerana saya bukan seorang ahli undang-undang, dan saya tidak menyimpan undang-undang ini, saya tidak tahulah apakah kandungan selain daripada apa yang dibaca oleh Timbalan Menteri di sini.

Ada baiknya pada masa yang akan datang kalau sekiranya Ahli-ahli Dewan ini diberi undang-undang asal itu pada masa hendak dipindahkan mana-mana undang-undang supaya dapat diteliti dan dibaca. Kalau tak dapat begitu moleklah dicabutkan beberapa fasal yang penting daripada undang-undang asal itu supaya menjadi kajian kepada Ahli-ahli Dewan ini, tetapi seperti apa yang ada di depan sekarang ini tak dapatlah, sehinggalah daripada namanya sahajalah kita bahaskan oleh kerana nama undang-undang ini undang-undang Penjualan Makanan dan Dadah, maka telah timbul masalah sebagaimana yang disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi yang bercakap terdahulu adakah undang-undang ini merangkumi makanan yang halal dan haram ataupun termasuk ataupun tidak, kita tidak tahu. Tetapi menurut fahaman saya Kementerian Kesihatan tentulah tidak akan membicarakan masalah halal haram, kerana Kementerian Kesihatan hanyalah membicarakan masalah mutu makanan itu sahaja, sama ada baik atau tak baik daripada segi kesihatan. Tentang halal haram itu terpulanglah kepada kementerian yang lain, barangkali Menteri akan menjawab begitu. Sungguhpun begitu, ada hak bagi Ahli-ahli Yang Berhormat ini mengemukakan pendapatnya dengan sebab di dalam Undang-undang ini terlampau ringkas dan tidak dijelaskan satu persatu.

Sebagaimana yang saya semalam menyatakan di sini tentang meluluskan Undang-undang di sini barangkali tak ada siapapun yang hendak membangkang cuma kepada Menteri yang meminta supaya undang-undang ini diluluskan sepatutnya selepas diluluskan kita hendak melihat implikasinya supaya undang-undang ini tidaklah selepas diluluskan dibiarkan begitu sahaja dengan keadaan yang tidak berubah apa-apa sebagaimana biasa juga. Saya sukalah memberi pandangan kepada Menteri Kesihatan iaitu dengan meluluskan undang-undang ini patutlah ada kerjasama yang erat dan rapat di antara kementerian-kementerian yang lain, lebih-lebih lagi Kementerian Perdagangan, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pelajaran dan Kerajaan Tempatan kerana di dalam undang-undang ini ada membawa ikatan yang sangat teguh di antara satu kementerian dengan Kementerian yang lain.

Misalnya, saya bawakan contoh Kementerian Pertahanan, walaupun di dalam Kementerian Pertahanan ini ada doktor dan

ada pegawai kesihatan sendiri tetapi makanan-makanan yang disediakan kepada askar atau tentera kita yang terlampau besar sekali. Jadi pihak Kementerian Kesihatan sepatutnya berdasarkan undang-undang ini patut juga mengambil tahu bukan sahaja kepada rakyat jelata tetapi juga kepada askar kita kerana mutu makanan yang disediakan kepada askar itu. Apa yang saya tahu askar-askar itu dihidangkan—saya tidak tahulah mungkin sangkaan saya silap—adalah berdasarkan mutunya itu bukan ditengokkan mutunya yang asasi sangat tetapi dicampur dengan selera juga.

Saya teringat dalam masa Peperangan Jepun dahulu askar-askar Jepun makanannya diasaskan kepada bubur kanji. Bubur kanji itu makanan asasi kepada askar Jepun, yang lain itu cuma tambahan begitu sahaja, tidak menjadi makanan asasi. Askar-askar Jepun apakala datang berperang masing-masing bawa periuk di belakangnya, apabila sampai ke satu tempat dia sendiri memasak dan makan bubur kanji yang telah disediakan ubat yang cukup, boleh menahan penyakit dan boleh mengenyangkan. Inilah asas makanan dia tetapi makanan itu hanya bubur kanji barangkali kepada askar kita tidak boleh makan bubur kanji kerana tidak sesuai kerana tidak ada askar kita yang hendak makan bubur kanji, kerana tidak sedap dan juga berlawanan dengan selera kita. Daripada segi mutunya bubur kanji itu bagus tetapi dari segi selera memang tak bagus. Jadi begitulah saya katakan kalau sekiranya pada pendapat Kementerian Kesihatan ini makanan bagus, walau macam manapun carilah jalan, masukkan di dalam kanji itu barangkali ada ubat yang boleh mendatangkan selera supaya askar-askar kita di dalam hutan itu tidak terkena penyakit dan kalau sekiranya terputus makanan pula dia boleh tahan dengan sebab makanan ini senang sahaja didapati.

Kementerian Pelajaran misalnya sekarang ini ada peruntukan untuk memberi makanan kepada kanak-kanak sekolah sampai berjuta-juta ringgit setahun, tetapi bantuan itu diberi kepada sekolah-sekolah dan terpulung kepada sekolah masing-masing untuk mengadakan makanan itu. Ada sekolah menyediakan nasi lemak kepada budak-budak itu, ada yang menyediakan nasi dagang dan berbagai cara lagi. Tidakkah perkara seumpama ini apabila peruntukan sudah diberi kepada

Kementerian Pelajaran berjuta-juta ringgit, itu melibatkan anak-anak kita, maka itu termasuk juga di dalam Undang-undang Kawalan Jualan Makanan di bawah Kementerian Kesihatan, sepatutnya Kementerian Kesihatan tidak boleh berlepas tangan dan mesti pergi memeriksa dan menengok apa yang dimakan oleh kanak-kanak sekolah itu. Kalau makanan itu seumpama nasi dagang atau nasi lemak dan pulut-pulut yang boleh melemahkan tubuh tukarlah dengan makanan-makanan yang berzat, makanan yang cukup berzat, tetapi murah. Itu yang saya maksudkan. Begitu juga berkenaan dengan Kementerian Perdagangan. Jadi, masalah halal haram ini, perkara ini telah dihebohkan lama, saya ada satu cutting suratkhbar daripada Pengarah Jabatan Ugama Islam Selangor, saya buat cutting ini daripada akhbar *Utusan Melayu* bertarikh 5hb November, 1979. Jadi dalam perkara ini Pengarah Jabatan Ugama Islam Negeri Selangor telah memberi laporan dan memberitahu kepada pihak suratkhbar.

Katanya Jabatannya tidak akan mengeluarkan lagi sijil-sijil halal kepada kilang-kilang di negeri ini yang memproses makanan. Keputusan ini diambil kerana Jabatannya tidak ada kuasa untuk membuat pemeriksaan mengejut kepada kilang-kilang, oleh kerana Jabatannya tidak dapat kepastian sama ada syarat yang dikenakan kepada kilang-kilang semasa memohon sijil-sijil tersebut dipatuhi atau tidak, maka Jabatan itu telah menarik semula sijil-sijil halal yang telah diberikan kepada kilang-kilang yang memproses makanan. Menurut beliau setakat ini hampir 30 buah kilang daripada seluruh Petaling Jaya, Shah Alam dan juga pendamaran telah diberikan Sijil seperti itu kepada mereka semenjak tahun 1960 lagi. Banyak kilang-kilang yang memohon sijil akuan halal memproses minyak makanan, biskut dan berbagai jenis sambal dan kari yang telah ditinkan ataupun dibotolkan.

Bagaimanapun, kata beliau, untuk pengetahuan orang ramai beliau telah memberitahu kepada semua tuanpunya-tuanpunya kilang yang berkenaan supaya merujuk semula kepada Kementerian Perdagangan kuasa untuk menjalankan pemeriksaan kepada kilang-kilang hanya boleh dilakukan oleh Pegawai Penguatkuasa dari Kementerian itu sahaja.

Jadi di situ banyak sangat kuasa Kementerian-kementerian dalam negara kita. Jabatan Agama kalau sekiranya kita tanya berkenaan dengan agama Islam pihak Perdana Menteri, wakil Perdana Menteri akan menjawab: Masalah agama ini masalah negeri masing-masing, maka masalah ini negeri yang membuatnya. Tetapi apakala berlaku seumpama ini seperti yang dikatakan oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Selangor, Jabatan Agama Negeri tidak ada kuasa pula, Jabatan Agama tidak ada kuasa hendak memberi sijil untuk mengatakan barang ini halal kerana alasannya dia tidak ada kuasa boleh memeriksa kilang-kilang itu. Kalau sekadar beri sijil sahaja dan mengatakan barang ini halal dia hendak juga buat pemeriksaan mengejut ke kilang-kilang itu benarkah dibuat sebagaimana petua di atas atau tidak sebab itu dia tidak ada kuasa dan kuasa ini ialah di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Tetapi Kementerian Perdagangan tidak ada orang-orang agama, yang ada di situ ialah Merinyu-merinyu atau Inspektor yang semua sekali setahu saya bukan ahli agama. Jikalau dia membuat pemeriksaan mengejut pun dia tengok sahaja dia tidak dapat hendak membeza di antara halal/haram, kalau dia mengatakan haram dia bukan Mufti.

Mengikut undang-undang agama pula, Mufti sahaja yang boleh memberi fatwa, sesiapa yang memberi fatwa selain daripada Mufti adalah salah dan boleh dihukum. Barangkali Inspektor Kementerian Perdagangan kena hukum kerana memberi fatwa halal/haram. Ini satu macam pula. Kemudian timbul pula Kementerian Kesihatan berkenaan dengan makanan juga, kita hendak kata tolonglah tengok macam mana makanan halal/haram. Nanti dia jawab: itu bukan kekuasaan saya kerana kekuasaan Kementerian Kesihatan hanyalah semata-mata berkenaan dengan mutu (kualiti) sahaja, adapun perkara halal/haram bukan tugasnya tetapi terpulang kepada Mufti Wilayah ataupun terpulang kepada Kementerian ini. Jadi kalau sekiranya berlaku perkara seumpama ini seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik itu betul, akhirnya kita akan pergi kepada cerita "Oh! bangau, oh bangau, jangan makan seluang", begitulah gayanya (*Ketawa*). Saya harap perkara ini janganlah seperti orang Trengganu kata "main tol" orang ini lari ke sini

dikejar ke sini, akhirnya "tang tu" juga sudahnya (*Ketawa*). Jadi mestilah ada kerjasama yang rapat di antara Kementerian Kesihatan bersama-sama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Pertahanan dan juga Kementerian Pelajaran, begitu juga mana-mana Kementerian yang ada hubungan dengan undang-undang ini, barulah kita boleh jalankan perkara ini.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawahnya ialah Majlis-majlis Bandaran, Majlis-majlis Bandaran ini telah dinaikkan mutunya dalam tiap-tiap negeri menjadi Perbandaran, daripada Perbandaran barangkali akan dinaikkan lagi menurut masanya atau hendak dijadikan macam ibukota (city). Jadi bagaimana kalau tidak ada hubungan rapat kerana yang kita tahu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini di bawahnya Majlis-majlis Bandaran. Majlis Bandaran ini yang menguasai pasar-pasar, yang menguasai tempat-tempat jualan dan sebagainya dialah yang memberi lesen.

Tetapi kalau kita tengok puklurata di seluruh Malaysia kita tidak ada pasar-pasar yang mutunya boleh sampai kepada darjah yang kita boleh berbangga misalnya seperti di Singapura. Tidak usah kita pergi jauh, kita pergi ke Pasar Chow Kit yang dekat, kalau kita masuk daripada hujung sini, keluar hujung sana bermacam-macam bau busuk dan sebagainya selain daripada jualan-jualan. Kalau kita pergi di Kuala Trengganu negeri yang saya wakili, kalau kita pergi pasar terutama di tempat menjual daging, ada ayam yang sudah disembelih, daging yang sudah siap sedia, kita tanya berapa sekati? Dia kata: Daging sekati \$4, kita tanya ada harga murah? Dia kata: Ada. Daging bila? Daging kelmarin, orang Trengganu tidak kata semalam itu ialah kelmarin. Jadi kita boleh beli dengan harga separuh iaitu yang \$4 boleh dibeli dengan harga \$2 iaitu daging lama tetapi dia susut (suruk) di bawah, begitulah gayanya. Kalau kita tanya ayam berapa harga? Ayam harganya \$3 sekati. Tidak ada yang kurang? Ada, tetapi ayam kelmarin boleh dengan harga \$2 sekati. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah songlap terang-terang di pasar boleh jadi begini, ada yang barang semalam, kelmarin dan ada yang hari ini.

Di sini saya ingin menarik perhatian Kementerian Kesihatan janganlah apakala Undang-undang ini lulus, Undang-undang ini molek di atas meja sahaja tetapi orang Kementerian Kesihatan tidak membuat pemeriksaan. Kalau kita tanya dia mengapa tidak membuat serbuan dan lawatan? Kata-nya ini bukan tugas Kementerian saya, ini adalah di bawah Majlis Perbandaran, dia mempunyai Merinyu Kesihatan, Inspektor dan sebagainya, mengapa dia tidak menjalankan tugas. Jadi yang ini kata begitu, yang itu kata begini, maka rakyat jugalah yang menderita, makan daging lama terpaksa menderita, kalau daging itu beracun wallahualam sakit perut. Apabila pergi jumpa doktor, dia tanya sakit apa? Sakit perut, diberi ubat sakit perut, begitu sahajalah, jadi tidaklah sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik tadi iaitu "prevention is better than cure", iaitu hendak kena penyakit dahulu, selepas itu baru beri ubat.

Saya bimbang perkara-perkara yang seumpama ini janganlah dalam kita meluluskan undang-undang ini maka masing-masing lari daripada tanggungjawabnya, yang lebih aneh Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi di hospital-hospital pada masa sekarang kita dapati kantin-kantin hospital itu sendiri tidak merupakan satu kantin yang menjadi contoh kepada rakyat, di situlah lalat boleh bermaharajalela, di situlah tempat kekotoran, tetapi bagaimana boleh jadi begini? Kalau kita tanya Pengarah Kesihatannya doktor besar tidak pernah sampai ke kantin itu, makanan hanya sampai di biliknya macam Tuan Yang di-Pertua juga (*Ketawa*), kalau makan tidak pergi ke kantin tetapi teh dibawa ke sini. Bagaimana Tuan Yang di-Pertua, boleh tahu apa yang berlaku di kantin kita di sini? (*Ketawa*). Maka begitu-lah juga Pengarah Kesihatan Negeri, dia berihat dalam biliknya, apa yang ada di kantin—wallahualam, walaupun nyamuk dan lalat bermaharajalela itu bukan tugasnya. Jadi macam mana ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam meluluskan Undang-undang yang seumpama ini kita mahu Kementerian Kesihatan menjalankan tugasnya supaya menjadi contoh.

Begitu juga kedai-kedai makan yang di sekeliling hospital. Kalau di kantin hospital sendiri tidak boleh menjadi contoh, maka

kedai-kedai di sekeliling itu adalah merupakan kedai-kedai makan yang lebih lagi kotorannya. Tidak payahlah saya menceritakan yang lain sebagaimana yang diceritakan oleh Yang Berhormat terdahulu daripada saya, berapa banyak kita tengok makanan yang terdedah. Makanan yang sudah dimasak itu terdedah dikerumuni oleh lalat-lalat dan langau, kemudian dijual kepada orangramai (public). Patutkah aiskrim-aiskrim colek yang dijual, tidak habis hari ini ditaruh lagi sampai esok, kemudian campur lagi; siapa yang menjadi mangsa—anak-anak kita.

Perkara-perkara yang seumpama inilah, Tuan Yang di-Pertua, saya dalam menyokong Rang Undang-undang ini memberi ingat, itu tugas saya; saya sudah menjalankan tugas saya memberi ingat kepada pihak Kementerian ini. Janganlah sebagaimana masa yang lepas, marilah kita menjalankan mengikut cara baru di bawah Undang-undang baru ini.

6.11 ptg.

Tan Sri Datuk Dr C. Sinnadurai: Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya menambah sedikit di sini iaitu pada fikiran saya kita tidak patut menahan dari membuat dadah ini tetapi sebarang dadah yang dibuat hendaklah diuji dengan teliti sebelum digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua ber-setuju bahawa drug trials in man are a critical point in all drug testing. Tetapi pada masa ini percubaan dilakukan oleh sepasukan ahli-ahli peneliti tidak seperti zaman dahulu. Di sini benarkan saya menyebutkan semula apa yang telah dikatakan oleh Louis Pasteur beberapa lama dahulu. (*Dengan izin*) "My hand should certainly shake if I wanted to go on from animal experiments to work in man" and he was right. Even today, it is the most critical step in clinical pharmacology. It is, however, an unavoidable step that must be taken. In every case, there has to be someone somewhere and happily nowadays it is usually a team which would be the first to use a new drug in man. There is this saying, "Do not be the first to use a new drug nor the last to discard the old one."

Tuan Yang di-Pertua, however, it would be impossible to attain drug status without studies in man. True, as I said yesterday in

this noble House, risk cannot always be avoided but can often be reduced and to reduce unavoidable risk to a minimum is an obvious part of man's striving for safety.

Tuan Yang di-Pertua, if I may recall, if Jenner had not decided to vaccinate a child in its harbour on 14th May, 1796 but had hesitated and delayed, he would have been guilty of culpable negligence that would have led to many more unnecessary deaths from smallpox. So, Tuan Yang di-Pertua, in life we must face up to the facts and it has its rewards too.

Ini telah membawa kepada penubuhan beberapa banyak pusat pertubuhan klinikal di seluruh dunia where in these multi-centres, clinical trials are going on day and night by teams of dedicated workers all over the world. Therefore, it is no wonder, Tuan Yang di-Pertua, Goethe once remarked that "with the self-effacement of the wise and the wisdom of the self-effacing I have often reaped where others have sown, my work is something that many have had a part in."

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini tugas-tugas ini biasanya dijalankan secara usaha bersama, yang demikian researches' hands will hardly need to shake like the great scientist Louis Pasteur if they undertake it with a humanitarian end in view.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai perlindungan selanjutnya kita bukan hanya mengadakan Undang-undang ini yang saya sokong dengan penuhnya tetapi the National Pharmaceutical Control Laboratory Project has been established and I am very pleased to say it here that it has introduced its drug registration procedures with emphasis on safety aspects rather than on efficacy aspects of the various preparations, manufactured and used mainly in the native systems of therapeutics. So, Tuan Yang di-Pertua, one of the most serious problems in medical practice is how to keep abreast of the dramatically advancing front of medical therapy to enable the practising physician, wherever he may have been qualified or trained, to make the wisest decision on treatment and the correct drugs to use and gain the confidence of his patients. Even then, Tuan Yang di-Pertua, the best drugs cannot serve as a complete substitute for the physician—patient interaction, for many patients come

to see doctors these days not only suffering from damaged bodies but with bruised minds, lacerated consciousness and broken hearts. Here the best drug, Tuan Yang di-Pertua, is the doctor's spoken word. Ini tidak boleh dielakkan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menerangkan lagi bahawa pesakit itu makan ubat sedikit sahaja dan sekali lagi saya sokong dengan sepenuhnya.

6.17 ptg.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya juga kalau tidak menyokong, tidak patut juga kerana sebagai wanita yang sekarang menggunakan makanan atau perubatan itu. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah meminda Undang-undang ini tetapi apa yang saya harapkan kepada Timbalan Menteri ini bukanlah di luar sahaja yang akan dilihat tetapi di dalam hospital-hospital yang telah berlaku bermacam-macam yang telah dijalankan oleh tukang-tukang masak itu.

Setengahnya saya juga melihat di hospital-hospital banyak sayur-sayur, ikan-ikan atau udang-udang yang tidak dibasuh dengan bersih, sayur itu setengahnya berbau selut. Ini patutlah Kementerian pergi menyiasat, tidak usahlah beritahu mengatakan hendak melawat ke hospital dengan membuat sambutan yang meriah tetapi dengan sendirian, pergilah melihat kalau pesakit-pesakit hendak mati lagi sebulan, hari ini sudahpun mati kerana makanan yang kotor dimakan oleh pesakit-pesakit itu, malahan pula di tempat yang tidak membayar wang.

Jadi kita tidak usahlah hari ini membahaskan Undang-undang ini kerana makanan atau perubatan kita tidak usah kira benda itu haram, benda ini haram, kita sendiri "Tepuk dada, tanya selera". Apa yang kita boleh makan kita makan; apa yang kita tidak boleh makan kita tidak usah makan. Kalau kita hendak kira itu haram, ini haram; saya duduk bertentang dengan tuan-tuan inipun haram (*Ketawa*). Kerana dalam ugama ini bermacam-macam, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak memandang atau hendak memberi arahan kepada segala kilang-kilang yang telah membuat makanan-makanan yang telah mengeluarkan

beberapa ratus juta wang mereka, adakah kita pergi melihat yang setengah benda itu ditaruh arak dan setengah-setengahnya ditaruh benda haram baru boleh menahan benda-benda itu supaya tahan lama. Tetapi kita tidak lihat dan seperti saya katakan tadi, kalau benda itu kita tidak lihat, kita jangan makan. Macam di hotel-hotel hari ini, kita pergi dinner, saya sendiri kalau saya tidak lalu makan, saya buang bawah meja. Ini oleh kerana saya was-was. Kita hari ini bercakap tentang perkara haram, kita bahaslah secara ugama betul-betul, apa yang haram dan apa yang tidak boleh. Hari ini Kerajaan meminda Rang Undang-undang makanan yang boleh dimakan. Bagaimanakah makanan yang boleh dimakan atau yang tidak boleh dimakan, yang baik atau yang tidak baik. Ini sahaja.

Dalam Dewan yang mulia pada hari ini, saya percaya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah bercakap tetapi saya dengar banyak sangat mengatakan itu haram, ini haram; saya sudah katakan tadi banyak yang haram daripada yang halal. Jadi saya menyokong.

Saya harap Menteri janganlah berdiam, janganlah lengah, melawatlah ke hospital-hospital—itu yang penting sekali, tak usah menggunakan jawatan Menteri. Biasa Menteri dan Timbalan Menteri pergi melawat tetapi jangan pakai jawatan Menteri. Sebab, saya lihat beras-beras itu dibasuh dengan di kocak-kocak sedikit, terus dimasak. Sayur bayam begitu juga mereka potong, terus rebus. Jadi inilah yang menjadi sakit dan orang yang sakit sedikit jadi bertambah banyak. Setengah-setengahnya ubat tiada, mereka beri panadol, ubat yang sebenar sudah ditolak dijual. Ini banyak berlaku. Saya biasa masuk di dalam hospital. Sebelas tahun sudah perut saya telah dibedah tetapi ubat yang penting itu tiada, mereka terpaksa pergi ke luar mencari ubat. Ini semua hendaklah diawasi. Kalau hari ini kita bercakap di Dewan, macam kata Ustaz Mahmoud Salim tadi, bercakap dalam Dewan itu, kita tinggalkan Rang Undang-undang, Menteri duduk dalam bilik, Menteri tidak pergi melihat, lagu itulah juga akan terjadi seperti saya katakan tadi. Kita ini asyik bercakap sahaja, jadi kalau kita bercakap, kerja mesti jalan, baharulah Kerajaan kita dipandang lebih mulia kerana Menteri-menteri tidak membesarkan diri. Janganlah

bila hendak pergi sahaja ke hospital atau Menteri Pelajaran pun yang ada di depan saya ini, kalau hendak pergi, jangan beri tahu sekolah-sekolah yang ia hendak lawati. Pergi lihat secara orang biasa ke sekolah-sekolah, pergi melihat tempat-tempat yang mustahak dan penting-penting. Malahan Menteri Pertahanan boleh pergi melihat tempat tentera-tentera, bagaimana keadaan mereka. Selalunya apabila diberitahu Menteri hendak datang, mereka siapkan, dan semuanya bersih. Saya biasa lihat keadaan ini dan apabila saya bertanya, siapa hendak datang, mereka mengatakan Menteri hendak datang. Oh! Menteri hendak datang, baru hendak siap. Ini semua patut kita baiki kerana banyak sudah dipinda undang-undang, asyik pinda sahaja, terutama berkenaan dengan dadah, sepuluh kali pinda, tetapi makin banyak anak kita yang telah melencong makan dadah. Tiada pun Menteri kita hendak ambil tahu, adakah ubat hendak diberi. Apabila pergi ke hospital dihalau kerana ubat tiada. Ini semua patut diambil tahu dan saya berharap kepada Menteri yang berkenaan mudah-mudahan dengan pindaan Rang Undang-undang ini akan menjadi baik kesemuanya di dalam hospital dan kita semua sihat-sihat sahaja.

Sekianlah ucapan saya yang ringkas ini dan diucapkan terima kasih kepada Yang di-Pertua dan juga kepada Timbalan Menteri Kesihatan.

6.25 ptg.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sedikit sahaja menyokong pindaan ini.

Saya amat tertarik dengan Huraian Rang Undang-undang yang tersebut di bawah. “Di bawah perenggan (1) Seksyen 28 (1) Ordinan Jualan Makanan dan Dadah 1952, Menteri adalah diberi kuasa membuat peraturan-peraturan untuk melarang atau mengawal penjualan, pengiklanan untuk jualan atau pengimportan bahan-bahan makanan atau dadah. Ia juga diberi kuasa membuat peraturan-peraturan untuk menubuhkan apa-apa badan atau pihak berkuasa bagi maksud pengawalan tersebut. Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda perenggan (i)”. Ini dia yang hendak dipinda, yang menarik

perhatian saya. Pindaan ini begini: "Tersebut bagi menyertakan pengilangan, pembekalan dan pengeksportan sebagai sebahagian daripada aktiviti-aktiviti yang boleh dikenakan kawalan sedemikian."

Saya menyokong Rang Undang-undang pindaan ini dengan sepenuhnya, sebab saya rasa dalam pengilangan, dalam pembekalan di seluruh tanah air kita ini, dan begitu juga pengeksportan, memang saya rasa tidak begitu terkawal dalam bahagian jualan ini. Tetapi saya suka menarik perhatian dalam aspek implikasi kewangan. Ini saya terkejut dengan undang-undang yang demikian. Di sini dikatakan bahawa "Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap satu Undang-undang yang hendak kita jalankan ialah daripada kurang baik kepada baik, daripada kurang sihat menjadi lebih sihat, kita terpaksa menggunakan kewangan dan tenaga serta daya usaha yang lebih aktif, yang lebih bermakna, yang lebih mendalam.

Tetapi saya hairan kalau kita hendak menjalankan satu peraturan Undang-undang yang lebih baik, satu jalan dan usaha yang lebih mendalam secara praktikal yang benar-benar, tentu sahaja kita terpaksa menggunakan wang dan tenaga. Tetapi yang mengejutkan saya ialah Rang Undang-undang ini tidak melibatkan apa-apa tambahan kewangan. Saya mengesyorkan dalam Majlis ini bahawa apabila hendak mempersetujui Rang Undang-undang ini, jikalau perlu bagi memperbaiki perkara yang penting demi kesihatan manusia, penduduk-penduduk kita di Malaysia ini, tambahkan wang. Sebab wang adalah mustahak bagi memperbaiki keadaan-keadaan kesihatan dalam negara.

Saya sokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, 9hb Januari, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.